

BAB IV

PELAKSANAAN AKAD *MUḌĀRABAH* DALAM PRODUK TABUNGAN

HAJI DAN UMROH (TAHAROH)

4.1. Pengenalan

Pada bab ini penulis akan mendedahkan pelaksanaan akad *muḌārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS HIK) Bekasi. Penulis juga akan menganalisis adakah pelaksanaan akad *muḌārabah* pada produk TAHAROH selari dengan prinsip syariah sama ada dari aspek rukun dan syarat mahupun dari aspek usaha-usaha yang dilakukan pihak BPRS HIK Bekasi dalam mengelakkan risiko kerugian dan menjaga keselamatan modal. Selain itu, dalam bab ini juga akan dianalisis mengenai isu jaminan (*ḍamān*) ke atas modal *muḌārabah*. Pada akhir daripada bab ini penulis akan memberikan kesimpulan sebagai penutup untuk bab ini.

4.2. Dapatan Kajian Mengenai Aplikasi Akad *MuḌārabah* Dalam Produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH)

4.2.1. *MuḌārabah* Sebagai Salah Satu Akad Perkongsian

MuḌārabah merupakan salah satu jenis akad kongsi yang diharuskan dalam Islam. Ini merupakan pendapat mazhab Hanbali¹ yang mengkategorikan *muḌārabah* ke dalam kategori syarikat (perkongsian). Mereka berpendapat bahawa *muḌārabah* selari dengan pensyariatan kaedah syarikat, di mana bentuk kerja dan jumlah upah tidak diketahui

¹ Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Qudāmah al-Maqdisī al-Dimashqī al-Ḥanbalī, *Al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī dan ‘Abd al-Fattāḥ al-Ḥulwī, ed. ke-3 (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997), 7:109. Maṣṣūr Bin Yūnus Bin Idrīs al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt Daqāiq Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, ed. ‘Abd Allāh Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī (Mu’assasat al-Risālah, 2000), 3:546 & 563.

ketika akad dibuat.² Pendapat ini dipegang oleh kebanyakan *fuqahā'* semasa, namun begitu, mereka menganggap *muḍārabah* adalah bentuk syarikat (perkongasian) yang memiliki keistimewaan, di mana ianya memiliki hukum dan ciri khas yang tidak dimiliki oleh jenis-jenis akad kongsi yang lain.³

Sebahagian *fuqahā'*⁴ telah membahagikan *muḍārabah* menjadi dua jenis, iaitu pertama, *muḍārabah muṭlaqah* iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha tanpa terikat dengan pekerjaan, tempat dan masa tertentu serta tanpa terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan pengusaha (*muḍārib*). Kedua, *muḍārabah muqayyadah*, iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha yang terikat dengan kerja, tempat dan masa tertentu serta pengikatan dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan pengusaha (*muḍārib*). Dalam gerak kerja, kebanyakan produk pada perbankan syariah di Indonesia menggunakan akad *muḍārabah muṭlaqah*.

Jika pada zaman dahulu *muḍārabah* biasanya diamalkan hanya terbatas di kalangan individu sahaja, namun hari ini pengaplikasian *muḍārabah* sudah diperluas, sehingga ianya dapat diamalkan oleh beberapa institusi kewangan syariah, seperti perbankan syariah, tabung haji, insuran syariah, Baitul Maal wat Tamwil (BMT), zakat dan institusi kewangan Islam yang lain yang telah mengaplikasikan akad *muḍārabah* di dalam beberapa produk yang ditawarkan. Di antara institusi perbankan syariah di

² Ibrāhīm Jāsim Jabbār al-Yāsiri, “*Ishkaliyyāt Taṭbīq ‘Aqd al- Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*” (Tesis Master Ilmu EKonomi, Fakulti Manajemen Dan Ekonomi Universiti Kuffah, 2009), 28. Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Kaherah: *al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī*, 2000), 30. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, 2008), 115.

³ Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, 30.

⁴ Al-Imām ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Bin Mas‘ūd al-Kāsānī al-Ḥanāfī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu‘awwaḍ dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Maujūd, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 8:28 & 50-51.

Indonesia yang telah mengamalkan akad *muḍārabah* adalah Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.

BPRS Harta Insan Karimah Bekasi telah menggunakan konsep *muḍārabah* dalam beberapa produk yang ditawarkan kepada para pelanggannya, sama ada produk pengumpulan dana mahupun produk penggunaan dana. Di antara produk yang menggunakan konsep *muḍārabah* di BPRS HIK Bekasi iaitu produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH). Produk TAHAROH adalah sebuah produk yang dikhususkan bagi umat Islam yang berminat melaksanakan ibadah haji, di mana produk ini berfungsi untuk menyimpan dan menjaga wang simpanan mereka daripada pelbagai permasalahan yang mungkin boleh terjadi, serta memberi kemudahan kepada para calon jemaah haji dalam pengurusan prosedur pendaftaran ibadah haji.⁵

4.2.2. Manfaat dan Keuntungan Penyimpanan Dana Pada Produk TAHAROH

Dalam setiap pengeluaran produk bank, biasanya setiap bank akan mengenalkannya dengan menunjukkan beberapa keistimewaan yang terdapat pada produk yang dikeluarkan. Hal ini juga dilakukan oleh BPRS HIK Bekasi, di mana pihak bank akan memberikan beberapa manfaat dan keuntungan yang boleh didapati oleh pelanggan yang menggunakan produk TAHAROH sebagai pilihan simpanan dana haji dan umrah. Antara manfaat dan keuntungan tersebut adalah:⁶

1. Kepastian dalam beribadah. Menerusi tabungan TAHAROH, rencana untuk menunaikan haji dan umrah lebih tersusun kerana dana simpanan tidak dapat dikeluarkan bila-bila masa kecuali telah mencapai jumlah minimum untuk bayaran pergi haji.

⁵ Ahmad Gozali, *Halal, Berkah, Bertambah: Mengenal dan Memilih Produk Investasi Syariah* (Jakarta: PT. Elex Media Komputindo Kelompok Gramedia, cet. 2, 2004).

⁶ Risalah Iklan Produk TAHAROH Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.

2. Berkongsi keuntungan. Tabungan TAHAROH merupakan tabungan yang menggunakan prinsip pelaburan (*muḍārabah*) dengan ketentuan nisbah perkongsian untung 42% untuk pihak bank dan 58% untuk pihak pelanggan, sehingga dengan prinsip ini boleh mempercepat pengumpulan dana ibadah haji atau umrah para pelanggan.
3. Tanpa kos pengurusan. Simpanan pada produk TAHAROH tidak dikenakan kos pengurusan pengelolaan, dan serahan dapat dilakukan secara tunai, pemindahan buku dan *clearing*⁷ (penjelasan cek⁸). Penyerahan dana pelanggan akan direkodkan di dalam buku tabungan haji TAHAROH.

4.2.3. Syarat-Syarat Pendaftaran Bagi Akaun Penyimpanan Dana Pada Produk TAHAROH

Dalam pendaftaran penyimpanan dana yang diperuntukkan untuk ibadah haji dan umrah, pelanggan diwajibkan untuk memenuhi syarat-syarat berikut:⁹

1. Menyerahkan wang serahan awal dengan minimum Rp 500,000.
2. Menyerahkan wang serahan selanjutnya dengan minimum Rp 100,000.
3. Menyerahkan salinan kad pengenalan diri atau lesen memandu (KTP/SIM).
4. Mengisi borang pembukaan akaun simpanan amanah yang telah disediakan oleh pihak bank.
5. Pengeluaran hanya dapat dilakukan apabila dana simpanan telah mencukupi kos pergi haji dan umrah.

⁷ *Clearing* (Kliring) adalah pengiraan hutang piutang antara para peserta secara terpusat di satu tempat dengan cara saling menyerahkan surat-surat berharga dan surat-surat dagangan yang telah ditetapkan supaya dapat diperhitungkan. Lihat: Bank Indonesia, “Kamus”, dicapai 20 Februari 2014, <http://www.bi.go.id/id/Kamus.aspx?id=K>.

⁸ *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, cet. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 251, entri “clearing”.

⁹ Risalah Iklan Produk TAHAROH Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.

4.2.4. Prosedur Pelaksanaan Produk TAHAROH

Pelanggan yang ingin membuka akaun TAHAROH yang ditawarkan oleh BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, mesti mengikuti prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak bank, iaitu:¹⁰

1. Pelanggan hadir ke Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi untuk membuka akaun simpanan dana haji dan umroh.
2. Pelanggan memberikan salinan identiti diri seperti kad pengenalan diri atau lesen memandu (KTP/SIM).
3. Petugas menyerahkan borang pembukaan akaun simpanan amanah *Islamic Bank* dengan pilihan simpanan dana haji, lalu ianya diisi oleh pelanggan.
4. Pelanggan melakukan serahan awal dengan minimum Rp 500,000, tanpa dikenakan kos pengurusan.
5. Kemudian pelanggan menyerahkan wang serahan berikutnya tanpa had waktu, namun dengan serahan minimum Rp 100,000. Simpanan hanya boleh diambil oleh pelanggan apabila simpanan telah mencukupi perbelanjaan pergi haji dan umrah.

4.2.5. Penentuan Kadar Kongsi Untung Dalam Produk TAHAROH

Nisbah perkongsian untung merupakan faktor penting dalam menentukan perkongsian keuntungan di bank syariah. Hal ini kerana aspek nisbah merupakan aspek yang mesti disepakati oleh pihak-pihak yang melakukan kontrak.¹¹ Dengan prinsip *muḍārabah*, pelanggan TAHAROH sebagai pihak pemodal akan mendapatkan perkongsian keuntungan. Kadar perkongsian untung berasaskan kesepakatan kedua-dua pihak yang berkontrak, antara pelanggan dan BPRS HIK Bekasi. Maksud daripada kesepakatan ini adalah kedua-dua pihak yang berkontrak menyetujui akan kadar kongsi untung yang

¹⁰ Nendi Mulyadi (Corporate Secretary dan Human Resource Development Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 7 Jun 2013.

¹¹ Ayu Nurhasanah, "Pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan Dengan Prinsip Bagi Hasil (Al-Mudharabah) Pada Bank Syari'ah Mandiri Cabang Pontianak", (Tesis Sarjana, Program Studi Master Kenotariatan, Universiti Diponegoro, Semarang, 2005), 155.

telah ditentukan, sama ada ianya ditentukan oleh kedua-dua pihak, ataupun pihak bank sahaja mahupun pihak pelanggan sahaja.

Pada BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, nisbah perkongsian untung untuk produk TAHAROH sudah ditentukan oleh pihak bank. Pihak pelanggan hanya perlu menyetujui akan nisbah perkongsian untung yang telah menjadi ketetapan pihak bank seperti yang telah disebutkan dalam akad perjanjian. Pada kebiasaannya, penentuan nisbah perkongsian untung yang diterima oleh pihak pelanggan lebih besar daripada pihak bank. Hal ini kerana pihak pelanggan telah menyerahkan modalnya 100 peratus untuk dikelola/dilaburkan. Oleh itu, dalam hal penentuan nisbah antara pihak pelanggan dan pihak bank tidak terdapat sebarang perselisihan. Ertinya telah terjadi kesepakatan antara pelanggan dan bank dalam penentuan nisbah ini. Meskipun kebiasaannya nisbah yang diterima oleh pihak pelanggan (pemodal) lebih besar berbanding nisbah pihak bank (pengusaha), hal ini bukan bererti syariat Islam melarang pihak pengusaha untuk mendapatkan nisbah perkongsian yang lebih besar berbanding nisbah pemodal, kerana ianya bukan syarat yang mesti dipenuhi dalam rukun *al-ribh* (untung) seperti perbincangan pada bab kedua mengenai syarat *al-ribh* (untung). Namun yang terpenting adalah kesepakatan kedua-dua belah pihak terhadap nisbah perkongsian untung itu sendiri.

Penentuan nisbah kongsi untung yang ditetapkan oleh bank dalam produk TAHAROH iaitu 42% (empat puluh dua peratus) untuk pihak bank dan 58% (lima puluh lapan peratus) untuk pihak pelanggan.¹² Penentuan kadar keuntungan ini sudah ditetapkan oleh pihak bank ketika akad dibuat dan juga sudah dimaklumkan oleh pihak

¹² Risalah Iklan Produk TAHAROH Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.


bank ketika menawarkan produk berkenaan. Namun begitu, kadar ini akan diselidik semula atau diperbaharui setiap enam bulan sekali.¹³

4.2.6. Skim Kontrak *Muḍārabah* Dalam Produk TAHAROH

Bagi menyesuaikan bentuk pengaplikasian akad *muḍārabah* dalam sesebuah transaksi semasa dengan kehendak syarak, maka ianya mesti mengandungi rukun-rukun yang dapat membentuk akad tersebut menjadi sempurna. Mengikut pandangan para *fuqahā'* semasa tidak terdapat sebarang perbezaan mengenai rukun-rukun *muḍārabah* kontemporeri dengan *muḍārabah* klasik. Rukun-rukun ini ada lima, iaitu *al-ṣīghah*, *al-‘āqidāni* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*), *ra’s al-māl* (modal), *al-‘amal* (kerja/ usaha) dan *al-ribḥ* (untung). Adapun pengaplikasian rukun-rukun akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH digambarkan melalui rajah 4.1:

¹³ O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temubual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

Rajah 4.1. Skim Akad *muḍārabah* dalam produk TAHAROH



Sumber: BPRS Harta Insan Karimah Bekasi (2013)

Penjelasan:

1. Pelanggan dan BPRS HIK Bekasi melakukan kontrak *muḍārabah muṭlaqah* dengan penentuan kadar kongsi untung 58 peratus untuk pihak pelanggan dan 42 peratus untuk pihak bank.
2. Modal berupa wang tunai 100 peratus berasal daripada pihak pelanggan (*ṣāhib al-māl*), sedangkan bank sebagai pengusaha (*muḍārib*) menyumbangkan tenaga, keahlian dan waktu.
3. Modal pelanggan yang berupa wang tunai akan dikembalikan 100 peratus oleh BPRS HIK Bekasi ketika kontrak ditamatkan oleh pelanggan.


4. Pengagihan keuntungan akan dilakukan jika ada keuntungan yang diperoleh daripada usaha yang telah dilakukan oleh bank, dengan nisbah mengikut kesepakatan kedua-dua pihak yang berkontrak ketika akad dibuat, iaitu 58 peratus untuk pihak pelanggan dan 42 peratus untuk pihak bank.

4.2.7. Skim Operasi BPRS Harta Insan Karimah Bekasi

Pada asalnya, produk TAHAROH diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan kepada para pelanggan yang berminat menunaikan ibadah haji dan umrah, melalui sistem pengumpulan wang dengan serahan yang kecil, sehingga masyarakat golongan berpendapatan rendah boleh ikut serta untuk berlumba-lumba dalam perkara kebajikan. Oleh itu, Produk TAHAROH diwujudkan bagi merealisasikan perkara ini, dengan menggunakan sistem *muḍārabah* sebagai akadnya. Penggunaan sistem *muḍārabah* dapat mempercepat pengumpulan dana para calon jemaah umrah dan haji, ianya kerana dalam akad *muḍārabah* terdapat sistem kongsi untung yang akan menambah dana umrah dan haji mereka. Namun begitu, perlu diperhatikan juga aspek keselamatan dana para pelanggan, di antaranya dengan wujudnya sistem operasi bank yang dapat memberi keselamatan dana mereka. Dalam penyaluran dana para pelanggan TAHAROH, pihak BPRS HIK Bekasi menawarkan produk pembiayaan dengan menggunakan beberapa jenis akad yang dibenarkan oleh syariah, seperti *murābahah*, *muḍārabah*, *mushārahah* dan *ijārah*.¹⁴ Dengan penggunaan beberapa akad ini boleh mengelakkan kemungkinan terjadinya risiko kerugian modal yang disimpan oleh para pelanggan TAHAROH. Proses operasi produk TAHAROH di BPRS HIK Bekasi digambarkan melalui Rajah 4.2:

¹⁴ Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS-HIK Bekasi-Indonesia), "Pembiayaan", dicapai 19 Mei 2013, <http://www.bprshikbekasi.com/produk/pembiayaan/>.

Rajah 4.2. Skim Operasi Produk TAHAROH di BPRS HIK Bekasi



Sumber: BPRS Harta Insan Karimah Bekasi (2013)

Penjelasan:

1. BPRS Harta Insan Karimah Bekasi menyediakan produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) dengan menggunakan akad *muḍārabah*. Produk ini dikhususkan bagi para pelanggan yang mahu menyimpan wang mereka untuk dana pergi haji atau umrah.
2. Dana para pelanggan produk TAHAROH disalurkan untuk pembiayaan modal kerja dalam berniaga ataupun untuk keperluan penggunaan. Dalam menyalurkan dana mereka, BPRS Harta Insan Karimah Bekasi telah menawarkan beberapa jenis produk pembiayaan, iaitu pembiayaan untuk keperluan usaha, pembiayaan untuk keperluan konsumsi (penggunaan), pendidikan, pengubahsuaian rumah dan lain sebagainya, serta pembiayaan pakej umroh. Di mana dalam produk pembiayaan ini BPRS HIK menggunakan tiga akad utama iaitu perkongsian (*muḍārabah* dan *mushāarakah*), jual-beli (*al-murābahah*), dan sewa (*al-ijārah*).

3. Keuntungan yang diperoleh dari usaha-usaha yang menggunakan dana TAHAROH akan dibahagikan antara pihak pelanggan TAHAROH dan pihak bank, sesuai dengan nisbah yang disepakati ketika akad dibuat, iaitu 58 peratus untuk pihak pelanggan TAHAROH dan 42 peratus untuk pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.

4.2.8. Usaha Pihak BPRS HIK Bekasi Dalam Mengelakkan Risiko Kerugian dan Menjaga Keselamatan Modal TAHAROH

Akad *muḍārabah* merupakan '*aqd al-amānah* iaitu akad yang berasaskan kepercayaan di antara para pihak yang melakukan kontrak. Kedudukan bank dalam produk TAHAROH adalah sebagai *muḍārib* yang memegang amanah untuk mengelola modal *muḍārabah* dengan sebaik mungkin. Bank sebagai pihak yang telah diberi amanah mestilah menjaga amanah tersebut dengan betul, sebagaimana yang telah diperintahkan dalam al-Qur'an dan Hadith. Segala perbuatan yang menyalahi peraturan yang telah dibuat tidaklah boleh dilanggar oleh bank selaku pihak pemegang amanah, kerana pada prinsipnya apabila sikap amanah tidak dimiliki oleh *muḍārib* maka akan muncul rasa saling tidak mempercayai sehingga menyebabkan aplikasi akad *muḍārabah* terjejas dalam bidang perbankan syariah.

Secara umumnya dalam mencegah dan mengelakkan adanya kemungkinan terjadinya kerugian serta menjaga keselamatan modal para pelanggan TAHAROH, BPRS HIK Bekasi selaku *muḍārib* sentiasa berusaha menjaga prinsip amanah, hal ini perlu dilakukan agar tidak terjadi *adverse selection*¹⁵ (pilihan yang merugikan) dan

¹⁵ Iaitu masalah yang muncul dalam memilih pelanggan yang akan diberikan pembiayaan, hal ini disebabkan kerana susahnya pihak bank untuk mengetahui dengan pasti kriteria yang dimiliki calon pelanggan, bank mungkin akan salah dalam menilai kriteria pelanggan.

*moral hazard*¹⁶ (bahaya moral). Banyak cara yang dilakukan oleh pihak BPRS HIK Bekasi dalam menerapkan prinsip amanah tersebut sehingga dapat menjaga keselamatan modal para pelanggan produk TAHAROH.¹⁷

Di dalam penyaluran dana para pelanggan TAHAROH, pihak bank telah menawarkan produk pembiayaan dengan menggunakan beberapa macam akad yang dibenarkan oleh syariah, ini bermakna pihak bank tidak hanya menggunakan akad *muḍārabah* dalam mengoperasikan produk pembiayaan. Antara akad-akad yang digunakan dalam produk pembiayaan yang ditawarkan oleh BPRS HIK Bekasi iaitu *murābahah*, *muḍārabah*, *mushārah* dan *ijārah*.¹⁸ Penggunaan beberapa akad ini amat berguna untuk mengelakkan kemungkinan terjadinya risiko kerugian modal yang disimpan oleh para pelanggan TAHAROH. Hal ini kerana prinsip *murābahah* dan *ijārah* merupakan bentuk akad yang memberikan keuntungan yang jelas (*fix return*), tanpa ada penyerahan risiko kerugian kepada pihak pemilik harta (*ṣāhib al-māl*).

Apabila dalam menyalurkan dana para pelanggan TAHAROH, bank menggunakan akad yang *non-fix return* pada produk pembiayaan, seperti *muḍārabah* dan *mushārah*, maka pihak bank akan melakukan langkah-langkah pencegahan (*prudential principle*) untuk mengurangi kemungkinan terjadinya risiko, sama ada yang disebabkan oleh *adverse selection* (pilihan yang merugikan) mahupun disebabkan oleh *moral hazard* (bahaya moral). Namun begitu, pengaplikasian akad *muḍārabah* dan *mushārah* pada produk pembiayaan jarang digunakan oleh pihak BPRS HIK Bekasi,

¹⁶ Iaitu masalah yang dihadapi pihak bank selepas pembiayaan dilakukan, di mana terdapat risiko bahawa pelanggan berkemungkinan menggunakan dana yang diberikan oleh pihak bank tidak digunakan untuk yang semestinya dan pelanggan berkemungkinan akan memberikan hasil yang diperolehi tidak sesuai dengan realitinya. *Adverse selection* dan *moral hazard* merupakan masalah *asymmetric information*. *Asymmetric information* adalah perbezaan informasi yang didapatkan antara pihak bank syariah dan pelanggan, dalam hal ini pelanggan lebih banyak mengetahui tentang keadaan usaha yang dijalankannya berbanding dengan pihak bank syariah, sehingga kemungkinan terjadinya penyelewengan yang dilakukan oleh pelanggan sangat besar.

¹⁷ Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

¹⁸ Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS-HIK Bekasi-Indonesia), "Pembiayaan", dicapai 19 Mei 2013, <http://www.bprshikbekasi.com/produk/pembiayaan/>.

terutama sekali akad *mudārabah* di mana ianya sangat jarang digunakan untuk penyaluran dana produk TAHAROH. Ini kerana kedua akad ini terutama akad *mudārabah* memiliki tingkat risiko yang tinggi, di mana ianya dapat merugikan pihak bank yang boleh memberi implikasi yang buruk kepada dana para pelanggan TAHAROH.¹⁹

Masalah *moral hazard* (bahaya moral) merupakan permasalahan yang muncul ketika pengusaha (pelanggan produk pembiayaan) menggunakan modal yang diperolehnya tidak sesuai dengan perkara-perkara yang telah disepakati dalam perjanjian. Biasanya ini terjadi ketika *mudārib* (pelanggan produk pembiayaan) hanya dapat mengembalikan modal diluar had ketentuan yang telah ditetapkan, biasanya lebih kecil daripada yang diminta oleh *sāhib al-māl* (bank). Usaha BPRS HIK Bekasi untuk mengelakkan atau meminimumkan permasalahan ini, iaitu dengan cara mengawal kos pengeluaran, pendapatan, serta projek.²⁰ Manakala masalah yang berupa *adverse selection* (pilihan yang merugikan) merupakan permasalahan yang muncul ketika pemodal (bank) memilih pengusaha (pelanggan produk pembiayaan) yang akan diberikan pembiayaan. Hal ini disebabkan oleh pemodal (bank) tidak mengetahui dengan pasti karakter sebenar pengusaha (pelanggan produk pembiayaan). Usaha BPRS HIK Bekasi untuk menghindari atau meminimumkan terjadinya permasalahan ini, iaitu dengan cara penyaringan ke atas projek-projek yang akan dilakukan serta penyaringan terhadap calon-calon pelanggan yang mendaftar permohonan pembiayaan, dan membuat kontrak lengkap yang mengandungi penyerahan jaminan kepada pihak bank.²¹

¹⁹ Nendi Mulyadi (Corporate Secretary dan Human Resource Development Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 26 Ogos 2013.

²⁰ Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

²¹ Nendi Mulyadi (Corporate Secretary dan Human Resource Development Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 26 Ogos 2013. Ir. H.

Untuk meminimumkan masalah moral, BPRS HIK Bekasi juga melakukan penyelidikan kelayakan sebelum memberikan pembiayaan kepada pelanggannya yang memerlukan modal kerja, iaitu dengan melakukan analisis 5 C: *character* (watak), *capacity* (kemampuan), *capital* (Modal), *collateral* (jaminan), dan *condition of economy* (keadaan ekonomi).²² Adapun mengenai penjelasannya iaitu sebagai berikut:²³

- a. *Character* atau watak calon pelanggan produk pembiayaan. Maksud *character* di sini adalah keadaan watak atau sifat yang dimiliki oleh calon pelanggan, sama ada dalam kehidupan peribadi mahupun dalam lingkungan usaha. Kegunaan dari penilaian terhadap *character* ini adalah untuk mengetahui sejauh mana azam atau keinginan calon pelanggan untuk memenuhi kewajipannya (keinginan untuk membayar) sesuai dengan perjanjian yang telah ditetapkan. *Character* ini merupakan faktor yang penting, sebabnya walaupun calon pelanggan tersebut cukup mampu untuk membayar hutangnya, tetapi kalau tidak mempunyai niat baik maka akan mendatangkan pelbagai permasalahan yang akan dihadapi oleh bank di kemudian hari.
- b. *Capacity* atau kemampuan calon pelanggan produk pembiayaan. Maksud *capacity* adalah kemampuan yang dimiliki oleh calon pelanggan dalam menjalankan usahanya bagi memperolehi keuntungan yang diharapkan. Penilaian ini berfungsi untuk mengetahui atau mengukur sejauh mana calon pelanggan mampu untuk mengembalikan atau melunaskan kewajipannya dengan menepati waktu yang ditetapkan.

O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

²² Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

²³ Abdul Ghofur Anshori, *Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah* (Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 2010), 23-24. Ayu Nurhasanah, "Pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan Dengan Prinsip Bagi Hasil, 141-146.

- c. *Capital* atau modal calon pelanggan produk pembiayaan. Di dalam modal ini yang dilihat adalah jumlah dana yang dimiliki pelanggan untuk membeli barang yang diperlukannya atau untuk menjalankan kegiatan usahanya. Maknanya, ketika calon pelanggan ingin mengajukan permohonan pembiayaan, ianya juga mesti memiliki sekurang-kurangnya wang muka (deposit) untuk membuka akaun yang akan digunakan sebagai cara pelunasan pembiayaan di kemudian hari.
- d. *Collateral* atau jaminan calon pelanggan produk pembiayaan. Maksud dari pada *collateral* adalah barang-barang berharga yang diserahkan oleh calon pelanggan sebagai jaminan terhadap modal yang diperolehnya. Penilaian *collateral* ini dilakukan dalam rangka menguatkan keyakinan bank bahawa kegiatan usaha yang akan dilakukan oleh calon pelanggan memiliki nilai material yang lebih tinggi daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh bank, sehingga pengembalian atau pelunasan pembiayaan dapat dilakukan secara tepat waktu sesuai dengan kesepakatan ketika akad dibuat.
- e. *Condition of Economy* atau keadaan ekonomi calon pelanggan produk pembiayaan. Yakni menganalisis keadaan ekonomi makro yang meliputi keadaan politik sosial, ekonomi, budaya yang mempengaruhi keadaan perekonomian, di mana pada suatu masa ianya berkemungkinan mempengaruhi kejayaan usaha calon pelanggan.

BPRS Harta Insan Karimah Bekasi juga melakukan pengawalan secara berkala sama ada pengawalan tersebut dilakukan secara *off-site monitoring* mahupun *on-site monitoring*. Pengawalan ini dilakukan paling minimum satu bulan sekali, di mana pengawalan secara *off-site monitoring* biasanya dilakukan melalui telefon dan surat.

Manakala pengawalan *on-site monitoring* iaitu dengan melakukan peninjauan langsung ke lokasi usaha para pelanggan produk pembiayaan.²⁴

Manakala usaha untuk mengatasi kerugian akibat kegagalan pembayaran oleh pelanggan produk pembiayaan, supaya modal para pelanggan TAHAROH sentiasa selamat, maka pihak BPRS HIK Bekasi juga mencadangkan dana daripada keuntungan bulan lepas bagi menghadapi kemungkinan terjadinya risiko kerugian gagal bayar pada bulan hadapan. Adapun jumlah pencadangan dana tersebut tidaklah sama untuk setiap pembiayaan, di mana pihak bank telah mengklasifikasikannya menjadi 4 kategori, iaitu pembiayaan yang baik, pembiayaan yang kurang baik, pembiayaan yang diragukan, dan pembiayaan yang tidak baik. Kategori pembiayaan yang baik ialah proses pelunasan pembayaran atau kewajipan oleh pihak pelanggan produk pembiayaan kepada pihak bank dalam tempoh masa 1 hari sampai 90 hari. Manakala untuk pembiayaan yang kurang baik dalam tempoh masa 91 hari sampai 120 hari, untuk pembiayaan yang diragukan dalam tempoh masa 121 sampai 180 hari, dan untuk pembiayaan yang tidak baik dalam tempoh masa 180 hari ke atas. Bank akan mencadangkan dana daripada keuntungan bulan lepas untuk pembiayaan yang baik sebesar ½ peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang baik, untuk pembiayaan yang kurang baik sebesar 10 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang kurang baik, untuk pembiayaan yang diragukan sebesar 50 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang diragukan, dan untuk pembiayaan yang tidak baik sebesar 100 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang tidak baik.²⁵

²⁴ Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

²⁵ Nendi Mulyadi (Corporate Secretary dan Human Resource Development Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 26 Ogos 2013. Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013. Peraturan Bank Indonesia Nomor 13/ 26 /PBI/2011 Tentang Perubahan Atas Peraturan Bank Indonesia Nomor 8/19/PBI/2006 Tentang Kualitas Aktiva Produktif dan Pembentukan Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif Bank Perkreditan Rakyat, Pasal 12, No. 1-3.

Dalam struktur organisasi di BPRS HIK, terdapat bahagian yang berfungsi sebagai pengawas dan penasihat syariah iaitu Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS). Fungsi DPS dalam membantu usaha bank bagi mengelakkan risiko kerugian yang disebabkan oleh *moral hazard* (bahaya moral), adalah menasihati para pelanggan produk pembiayaan dengan menggunakan pendekatan agama, yang mengajarkan sifat-sifat yang mulia dalam bermuamalat sesama manusia, seperti sifat amanah, jujur dan bertanggung jawab. Di mana agama Islam melarang orang yang berhutang untuk menangguhkan pelunasan hutangnya kepada pihak yang berhak, jika ia telah mampu membayarnya. Larangan ini juga diperingatkan bagi pihak yang berhutang atau yang memiliki amanah tetapi tidak memiliki azam untuk berusaha melunaskan hutangnya atau kewajipannya.²⁶

Melalui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh BPRS HIK Bekasi dalam menjaga keselamatan modal para pelanggan TAHAROH ini, sehingga sekarang BPRS Harta Insan Karimah Bekasi belum pernah mengalami kerugian dalam menjalankan usaha-usahanya.²⁷ Ini menjadikan kewujudan BPRS Harta Insan Karimah Bekasi di tengah-tengah masyarakat masih berjalan dengan baik, serta menguatkan kepercayaan para pelanggan TAHAROH untuk menyimpan dana mereka di BPRS HIK Bekasi.

Namun begitu, kemahiran para staf dan pegawai perkhidmatan pelanggan (*customer service*) di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi dalam berinteraksi dan memberikan maklumat secara sempurna kepada para pelanggan sangatlah penting, supaya tidak terjadi salah faham antara kedua-dua pihak yang berkontrak. Begitu juga pemahaman dan pengetahuan para pelanggan mengenai akad dan prosedur transaksi

²⁶ DR. A. Ilyas Ismail, MA (Ahli Dewan Pengawas Syariah (DPS) Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 03 Jun 2013.

²⁷ Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

sesebuah produk amat penting, supaya mengelakkan segala hal-hal buruk yang mungkin terjadi.

Kurangnya kefahaman para pelanggan TAHAROH tentang akad *mudārabah*, sehingga mereka tidak bersedia untuk menanggung risiko kerugian, merupakan sebuah halangan bagi BPRS HIK Bekasi untuk mengaplikasikan akad *mudārabah* secara sempurna pada produk TAHAROH. Padahal, secara hakikatnya dalam akad *mudārabah* bahawa segala risiko kerugian mestilah ditanggung oleh pihak pemodal (pelanggan), bukan pihak pengusaha (bank), kecuali apabila terjadi kecuaiian, penyalahgunaan atau penyelewengan perjanjian oleh pihak pengusaha (bank). Oleh itu, penjaminan ke atas modal para pelanggan dari risiko kerugian perlu dilakukan oleh pihak bank, supaya boleh menarik para pelanggan agar berminat untuk menyimpan dana haji mereka pada produk TAHAROH yang menggunakan prinsip *mudārabah*, serta supaya mereka lebih memilih bank yang berasaskan syariah berbanding dengan bank yang berasaskan faedah *ribawiyah* (konvensional). Di mana pada bank konvensional seluruh dana pelanggan yang disimpan pada bank akan dijamin keselamatannya, bahkan disertai dengan tambahan faedahnya. Maka daripada itu, untuk membuat BPRS HIK Bekasi mampu bersaing dengan bank yang berasaskan faedah *ribawiyah*, pihaknya melakukan penjaminan ke atas modal yang disimpan oleh para pelanggan TAHAROH.²⁸ Jaminan ini dilakukan dengan rela hati oleh pihak bank tanpa paksaan atau syarat di awal akad. Pada borang akad, tidak tertulis secara hitam putih yang menyatakan bahawa bank mesti menjamin pengembalian modal *mudārabah* yang ditabung oleh para pelanggan TAHAROH. Pihak bank memberikan jaminan ini dengan sukarela serta sebagai bentuk keprihatinan bank terhadap para pelanggan yang tidak menyedari bahawasanya mereka adalah pihak yang semestinya menanggung risiko kerugian usaha.

²⁸ Ir. H. O.P. Yepri (Direktur Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 13 Ogos 2013.

4.2.9. Usaha Pihak BPRS HIK Bekasi Dalam Menjaga Keselarian Produk TAHAROH Dengan Syariah

BPRS HIK Bekasi merupakan salah satu bank yang mengamalkan prinsip-prinsip syariah pada sistem operasinya, di mana semua produk yang ditawarkan olehnya mesti berasaskan akad-akad yang diharuskan oleh syariat. Pengamalan prinsip-prinsip syariah selalunya mesti dikawal dan diperhatikan supaya tidak terjadi penyelewengan yang boleh merosak kesahihan transaksi yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang berkontrak.

Dalam memastikan produk-produk yang ditawarkan oleh bank khususnya produk TAHAROH supaya ianya sentiasa selari dengan prinsip-prinsip syariah, maka pihak BPRS HIK Bekasi mengadakan perundingan dengan pihak Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) bagi mengadakan mesyuarat untuk menilai segala aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak bank, sehingga apabila didapati sesuatu penyelewengan maka ianya akan segera diperbaiki. Mesyuarat ini dilakukan pada setiap bulan pada minggu pertama.²⁹

Kewujudan Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) sangat diperlukan oleh sebuah institusi kewangan syariah, yang berfungsi untuk mengawasi proses berjalannya suatu produk, dari proses awal hingga proses akhir penerbitan produk tersebut. Hal ini supaya segala prosedur yang dilakukan sentiasa selari dengan syariah. Oleh itu, BPRS Harta Insan Karimah yang merupakan salah satu daripada institusi kewangan syariah mempunyai 2 (dua) orang Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS), seorang sebagai pengetua dan seorang lagi sebagai ahlinya.³⁰ Hal ini sesuai dengan Undang-Undang Perbankan Syariah No 21 Tahun 2008, yang menyatakan bahawa setiap bank Islam di

²⁹ DR. A. Ilyas Ismail, MA (Ahli Dewan Pengawas Syariah (DPS) Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 03 Jun 2013.

³⁰ *Ibid.*

Indonesia, sama ada Bank Umum Syariah (BUS) mahupun Unit Usaha Syariah (UUS), wajib membentuk Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) yang secara umum bertugas untuk memberikan nasihat dan cadangan kepada direktor (pemimpin), serta mengawasi kegiatan bank supaya tidak menyeleweng daripada prinsip syariah. Inilah yang membezakan struktur organisasi bank Islam dengan bank konvensional.³¹

Kewujudan Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) dalam struktur organisasi BPRS Harta Insan Karimah Bekasi juga berfungsi untuk memberi kefahaman dan penjelasan kepada para kaki tangan, pegawai perkhidmatan pelanggan (*customer service*), dan para pelanggan mengenai hukum-hukum fiqh muamalat berkaitan dengan seluruh akad yang digunakan dalam transaksi perbankan syariah. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan kerosakan sesuatu akad yang disebabkan rukun dan syarat sesuatu akad tidak dipenuhi kerana kedua-dua pihak yang berkontrak tidak memahami mengenai hukum-hukum fiqh.

³¹ Imam Wahyudi et al., *Manajemen Risiko Bank Islam* (Jakarta: Salemba Empat, 2013), 156.

4.2.10. Kefahaman Pelanggan Terhadap Kontrak Yang Dilakukan Pada Produk TAHAROH dan Kesiediaan Mereka Dalam Menanggung Risiko Kerugian

Jadual 4.1. Pemahaman pelanggan terhadap produk TAHAROH

Perkara	Pelanggan Produk TAHAROH				
	Responden A	Responden B	Responden C	Responden D	Responden E
Alasan menggunakan TAHAROH	Selamat, tanpa riba dan terjaga daripada penggunaan	Selamat dan terjaga daripada penggunaan	Selamat dan serahannya kecil	Selamat, terjaga daripada penggunaan dan serahannya kecil	Selamat, serahannya kecil dan dekat dengan tempat kerja.
Pengetahuan akad dalam TAHAROH	Salah kira (menyangka <i>wadi'ah</i>)	Tidak tahu (menyerahkan ke pihak bank)	Mengetahui	Mengetahui	Terlupa
Pemahaman <i>muḍārabah</i> dan <i>wadi'ah</i>	Cukup faham	Kurang faham	Kurang faham	Cukup faham	Tidak faham
Kesiediaan menanggung risiko kerugian	Tidak sedia	Tidak sedia	Tidak sedia 100%	Tidak sedia	Tidak sedia
Adakah bank menjamin pulangan modal	Tidak tahu	Ya	Ya	Ya	Ya
Pemahaman hukum penjaminan modal	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu	Sudah lupa	Tidak tahu
Keadaan Tabungan	Bertambah (untung)	Tidak memperhatikan	Bertambah (untung)	Bertambah (untung)	Bertambah (untung)
Kesesuaian <i>muḍārabah</i> pada TAHAROH	Tidak sesuai	Tidak sesuai	Tidak sesuai 100%	Sesuai namun harus terjamin	Kurang sesuai
<i>Muḍārabah</i> atau <i>wadi'ah</i> yang lebih sesuai untuk TAHAROH	<i>Wadi'ah</i>	<i>Wadi'ah</i>	<i>Muḍārabah</i>	<i>Muḍārabah</i>	<i>Wadi'ah</i>

Sumber: Temubual bersama Puan Risna Muvida, Puan Nida Khairany, Puan Windari Riyastutik, Puan Indah Fitriati dan Puan Neni Wuryandari, (2013).

Berdasarkan temubual bersama lima orang pelanggan produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, empat orang responden memilih produk TAHAROH disebabkan faktor keselamatan tabungan mereka, di mana menurut mereka menyimpan wang di bank boleh menyelamatkan wang mereka dari kecurian. Tiga orang responden daripada mereka menambahkan alasan menyimpan wang di BPRS HIK Bekasi, iaitu kerana serahan untuk membuka akaunnya tidak semestinya dengan jumlah wang yang banyak, dan menurut mereka menyimpan wang di BPRS HIK Bekasi akan mengelakkan penggunaan wang untuk keperluan harian, sehingga mereka boleh mengumpulkan dana haji secara tersusun. Seorang responden menambahkan alasan penyimpanan ini iaitu kerana lokasi BPRS HIK berada berdekatan dengan pejabat di mana ia bekerja. Manakala seorang responden lagi menambahkan alasan penyimpanan ini iaitu supaya mengelakkan daripada amalan riba, sebagaimana yang dilakukan oleh bank konvensional. Ia dinyatakan dalam petikan temubual³² tersebut:

“Saya harus menyimpan di perbankan syariah, karena sudah terlanjur tahu ada fatwa MUI kan, bahwa bunga bank haram.”

Dua orang daripada responden mengetahui jenis/bentuk akad yang digunakan pada produk TAHAROH. Mereka menyatakan bahawa akad yang digunakan dalam produk ini iaitu akad *muḍārabah*, pernyataan ini sesuai dengan amalan sebenar yang dilakukan oleh BPRS HIK Bekasi. Satu orang responden tidak mengetahui jenis/bentuk akad yang digunakan pada produk TAHAROH, di mana ianya menyerahkan segala prosedurnya kepada pihak bank. Ia dinyatakan dalam petikan temubual³³ tersebut:

“yah kalo saya kan pak, udah aja dititip gitu, karena kan mereka melayani saya ya, saya percaya gitu ajah, yah terserah bank ajah lah, saya percaya gitu ajah.”

³² Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

³³ Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

Seorang yang lain telah tersalah kira dan menyangka bahawa akad yang digunakan dalam produk TAHAROH adalah akad *wadī'ah*, menurut pengakuannya bahawa pihak pegawai bank (*customer service*) tidak memberi tahu akad dan nisbah keuntungan yang digunakan dalam produk TAHAROH. Manakala satu responden lagi terlupa mengenai akad yang digunakan dalam produk TAHAROH.

Daripada keseluruhan pelanggan TAHAROH yang ditemubual oleh penulis, dua orang daripada mereka cukup memahami maksud sebenar akad *muḍārabah* dan *wadī'ah*, dua orang lainnya kurang memahaminya, manakala seorang lagi tidak memahami hakikat kedua akad tersebut. Ia dinyatakan dalam temubual³⁴ tersebut:

“Saya tahunya itu *murābahah*, pake utang.” (Kalo *muḍārabah* sama *wadī'ah*?) “Gak apal.”

Menurut Nendi Mulyadi bahawa sebahagian para pelanggan tidak peduli tentang akad yang digunakan dalam produk TAHAROH, sehingga mereka menyerahkan segala prosedurnya kepada pihak bank, tanpa mereka mengetahui jenis akad apa yang digunakan dalam produk ini.³⁵

Kesemua responden tidak bersedia untuk menanggung risiko kerugian usaha bank yang menggunakan modal TAHAROH, mereka juga tidak mengetahui bahawa pada hakikatnya jika terjadi kerugian usaha dengan prinsip *muḍārabah* maka yang menanggung risiko kerugian tersebut iaitu pihak pemodal (pelanggan), bukan pengusaha (bank). Empat responden menyatakan bahawa pihak bank menjamin pengembalian modal simpanan dana haji mereka. Manakala seorang responden lagi tidak tahu mengenai perkara ini. Pernyataan empat responden yang menyatakan bahawa

³⁴ Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

³⁵ Nendi Mulyadi (Corporate Secretary dan Human Resource Development Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 4 Jun 2013.

pihak bank menjamin pengembalian modal simpanan dana haji mereka, menurut penulis ianya hanyalah anggapan mereka sahaja. Ini kerana tidak ada sebarang perjanjian secara tertulis hitam putih di dalam akad yang menyatakan bahawa bank akan menjamin pengembalian modal simpanan dana haji mereka.

Empat daripada para responden tidak mengetahui hukum jaminan ke atas modal *muḍārabah* oleh pihak pengusaha, manakala seorang lagi sudah terlupa tentang hukum ini. Empat orang daripada mereka juga menyatakan bahawa pihak bank selama ini tidak pernah mengalami kerugian. Ini bermakna bahawa dalam catatan buku TAHAROH mereka, tidak terdapat sebarang pengurangan modal akibat kerugian usaha yang dikelola oleh bank. Manakala seorang lagi tidak memastikan adanya keuntungan yang diperolehnya.

Kesemua responden menyatakan bahawa akad *muḍārabah* yang klasik tidak sesuai jika diterapkan pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH), kerana mereka tidak bersedia untuk menanggung risiko kerugian usaha yang menggunakan dana haji dan umrah mereka. Oleh itu, dua responden menyatakan bahawa akad *muḍārabah* dapat diterapkan pada produk TAHAROH jika pihak bank mahu menanggung risiko kerugian usaha yang dikelolainya. Tiga daripada responden lebih mengutamakan penggunaan akad *wadī'ah* dalam produk TAHAROH berbanding akad *muḍārabah*, manakala dua daripada mereka lebih mengutamakan akad *muḍārabah* berbanding akad *wadī'ah*, kerana bagi mereka akad *muḍārabah* dapat mempercepat proses pengumpulan dana haji dan umrah disebabkan adanya penambahan dana yang diperoleh dari sistem perkongsian keuntungan. Ia dinyatakan melalui petikan temubual³⁶ salah satu daripada responden tersebut:

³⁶ Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

“dalam pelaksanaannya kalo *wadī‘ah* berarti kan titipan, kalo titipan kita ngasih bonus ya suka-suka aja, ya secara logika berarti dikit kan, namanya juga ngasih gitu. Kalo ini (*muḍārabah*) kan gak boleh ditarik sewaktu-waktu... ya lebih menguntungkan nasabahnya [pelanggannya] sih *muḍārabah*, maksudnya kalo itu kan jangkanya lama dan gak mungkin diambil dalam waktu pendek kan.”

4.3. Analisis Pelaksanaan Akad *Muḍārabah* Dalam Produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH)

TAHAROH merupakan salah satu produk yang ditawarkan oleh BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, yang mana ianya merupakan suatu bentuk simpanan berasaskan prinsip perkongsian untung. Institusi Harta Insan Karimah Bekasi merupakan sebuah institusi perbankan yang berasaskan syariah, maka produk TAHAROH yang ditawarkan oleh pihak bank juga mesti menggunakan akad yang selari dengan syariah, sama ada syarat-syaratnya, rukun-rukunnya mahupun prosedur yang dilakukan di dalamnya. Oleh itu, jika terdapat salah satu syarat atau rukun yang tidak dilaksana ataupun telah terlaksana namun tidak sesuai dengan syariah maka akad perkongsian yang diterapkan pada produk TAHAROH tidak sah di sisi Syarak. Sebaliknya, jika seluruh syarat dan rukun pada akad tadi terlaksana maka ianya dinyatakan sah menurut piawaian syariah.

Dalam produk TAHAROH, akad yang digunakan ialah akad *muḍārabah*. Sebagaimana yang telah dibahas oleh penulis pada bab kedua, bahawa ada lima rukun yang mesti dipenuhi dalam akad *muḍārabah*. Pada setiap rukun-rukun tersebut terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi. Ini kerana rukun-rukun tersebut tidak sah jika syarat-syarat wajibnya tidak dipenuhi. Namun begitu, tidak semua syarat-syarat tersebut disepakati oleh para *fuqahā‘*, kerana ada beberapa syarat yang hanya ditetapkan oleh mazhab tertentu dan tidak dianggap oleh mazhab lainnya.

4.3.1. Analisis Rukun-Rukun *Muḍārabah* beserta Syarat-Syaratnya Dalam Produk TAHAROH

Secara umumnya, dalam memberikan hukum ke atas sebuah kontrak pada suatu aktiviti muamalah, adakah ianya selari dengan syariah atau tidak, maka diperlukan penganalisan terhadap rukun dalam kontrak tersebut beserta syarat-syaratnya. Apabila seluruh rukun dan syarat kontrak tersebut telah terlaksana maka secara umumnya kontrak tersebut adalah sah di sisi syarak, namun jika keseluruhan atau sebahagian daripada rukun dan syarat kontrak tersebut tidak terlaksana maka kontrak tersebut tidak sah di sisi syarak. Oleh itu, untuk mengetahui hukum ke atas akad *muḍārabah* yang diaplikasikan pada produk TAHAROH, penulis akan menganalisis satu persatu rukun-rukun *muḍārabah* beserta syarat-syaratnya yang diaplikasikan pada produk TAHAROH, sebagai berikut:

1. *Al-Ṣīghah*, iaitu ucapan *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan). *Al-Ṣīghah* ialah suatu ungkapan yang menandakan keredhaan dan keinginan kedua-dua pihak yang berkontrak untuk melakukan akad perkongsian untung, sama ada itu diucapkan dengan perkataan ataupun dengan isyarat. Sebab maksud daripada *al-ṣīghah* ini adalah tercapainya keredhaan. Al-Bājī seorang ahli fiqh bermazhab Maliki berkata: “Segala lafaz atau isyarat yang boleh difahami daripadanya *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan), menyebabkan dengannya berlaku akad jual-beli dan akad-akad lainnya.”³⁷ Dalam muamalah semasa, *al-ṣīghah* boleh diisyaratkan dengan cara menandatangani di atas sehelai kertas kontrak. Akad seperti ini adalah sah, kerana ianya menunjukkan keredhaan pihak-pihak yang berkontrak.³⁸ Namun begitu, penandaan tandatangan tersebut hanya dianggap sah sebagai suatu isyarat daripada

³⁷ Al-Qāḍī Abū al-Walīd Sulaymān Bin Khalaf Bin Sa’d Bin Ayyūb al-Bājī, *Al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad ‘Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 6:25.

³⁸ Muḥammad Saḫḫāl al-Majājī, *Aḥkām ‘Aqd al-Bay’ fī al-Fiqh al-Islāmī al-Mālikī* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001), 61.

al-ṣīghah apabila pihak yang melakukan akad telah memahami dan mengetahui perkara-perkara yang semestinya wajib diketahui olehnya.

Dalam pelaksanaan produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, *al-ṣīghah* diamalkan pada awal akad, dengan *ijāb* (tawaran) daripada pihak pelanggan dan *qabūl* (penerimaan) oleh pihak bank, lalu diperkuat lagi dengan tandatangan pelanggan pada borang aplikasi TAHAROH. Ini menandakan kedua pihak bersetuju dan redha atas akad yang dijalankan.³⁹

2. *Al-‘Āqidān* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*), iaitu pihak-pihak yang melakukan akad. Mereka adalah pemilik modal dan pengusaha yang melakukan akad perkongsian secara *muḍārabah*, di mana pemodal menyumbangkan hartanya, sedangkan pengusaha menyumbangkan tenaganya. Dalam transaksi produk TAHAROH juga terdapat dua pihak yang saling mengadakan akad, satu pihak adalah pelanggan iaitu pihak yang menyimpan wangnya, di mana ianya berperanan sebagai pemilik modal, dan pihak lain adalah BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu pihak yang berperanan untuk mengelola dana pelanggan.

Dalam mengenakan syarat untuk dapat menjadi *ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*, sebahagian *fuqahā’* merujuk pensyaratannya kepada perbahasan *al-muwakkil* dan *al-wakīl* pada bab *al-wakālah*. Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-muwakkil* berlaku juga bagi *ṣāhib al-māl* dan apa yang disyaratkan kepada *al-wakīl* berlaku juga bagi *muḍārib*. Al-Sharbīnī dari kalangan *fuqahā’* bermazhab Shafi‘i berpendapat bahawa kanak-kanak tidak dibenarkan untuk melakukan akad

³⁹ Daripada hasil penelitian penulis didapati kecuaiian yang dilakukan oleh salah satu pihak ketika melakukan rukun *ṣīghah* ini. Penjelasan lebih lanjut akan penulis lakukan pada analisis kefahaman pelanggan.

muḍārabah dengan hartanya kerana mereka tiada keahlian untuk melantik wakil.⁴⁰

Para *fuqahā'* bermazhab Shafi'i juga tidak membenarkan kanak-kanak menjadi seorang *muḍārīb*, kerana mereka tiada keahlian untuk menjadi seorang wakil.⁴¹

Dalam pelaksanaannya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, pelanggan (*ṣāhib al-māl*) yang menyimpan dananya pada produk TAHAROH diwajibkan memiliki KTP (Kartu Tanda Penduduk/kad pengenalan diri), di mana KTP hanya dapat diperoleh oleh orang yang sudah berusia lebih dari 17 tahun. Ini bermakna pelanggan TAHAROH tersebut sudah termasuk dalam golongan usia baligh. Begitu juga pelanggan (*muḍārīb*) produk pembiayaan yang memerlukan modal untuk usahanya diwajibkan memiliki KTP (Kartu Tanda Penduduk/ kad pengenalan diri). Para pegawai bank (*customer service*) yang mewakili bank dalam bertransaksi juga diwajibkan memiliki KTP (Kartu Tanda Penduduk/ kad pengenalan diri). Kesemuanya ini bermakna bahawa seluruh pihak yang bertransaksi di BPRS HIK Bekasi mesti telah mencapai usia lebih dari 17 tahun, di mana pada usia tersebut sama ada lelaki dan perempuan sudah dikategorikan orang yang sudah mencapai usia baligh.

3. *Ra's al-māl* (modal) iaitu objek daripada usaha yang akan dijalankan. Modal merupakan salah satu rukun yang sangat penting daripada akad *muḍārabah*, kerana ianya merupakan dana nyata yang akan digunakan untuk melakukan perniagaan. Tanpa modal maka suatu usaha tidak mungkin dapat dijalankan. Modal merupakan bentuk kongsi yang disumbangkan oleh pihak yang memiliki kelebihan dana, sedangkan tenaga merupakan bentuk kongsi yang disumbangkan oleh pihak yang

⁴⁰ Shams al-Dīn Muḥammad Bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, dicetak bersama al-Imām Abū Zakariyyā Yaḥyā Bin Sharaf al-Nawawī al-Shāfi'i, *Matn Minhāj al-Ṭalibīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2:404.

⁴¹ *Ibid.*

memerlukan dana. Oleh itu, kewujudan modal akan membentuk akad kongsi yang adil menurut ajaran Islam.

Dalam produk TAHAROH, modal yang diserahkan oleh pihak pelanggan kepada pihak BPRS HIK Bekasi adalah berbentuk wang tunai, bukan berbentuk barangan, hutang atau tenaga kerja. Jumlah minimum modal awal yang diserahkan oleh pihak pelanggan kepada pihak BPRS HIK Bekasi sebanyak Rp 500,000 (lima ratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 167. Manakala jumlah minimum modal selanjutnya sebesar Rp 100,000 (seratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 34. BPRS HIK Bekasi tidak menerima penyerahan modal selain wang tunai, sama ada ianya berbentuk barangan, wang yang masih berbentuk hutang mahupun tenaga kerja.

Para *fuqahā'* bersepakat mengenai keharusan modal berupa matawang dinar (emas) dan dirham (perak) sebenar yang belum dicampur.⁴² Namun hukum mengenai keharusan modal *muḍārabah* berbentuk wang semasa (*fulūs*), para *fuqahā'* berselisih mengenainya, di mana majoriti *fuqahā'* klasik tidak membenarkannya.⁴³ Manakala Ibn al-Qāsim al-Mālikī menyatakan bahawa modal

⁴² Al-Imām al-Qāḍī Abū Al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, ed. 'Abd Allāh Al-'Abādī, dicetak bersama 'Abd Allāh al-'Abādī, *Sharḥ Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid* (Kaherah: Dār al-Salām, 1995), 4:1829. Abū al-Qāsim 'Ubayd Allāh Bin al-Ḥusayn Bin al-Ḥasan Bin al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, ed. Ḥusayn Bin Sālim al-Dahmānī (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1987), 2:194. Al-Imām Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Muḥammad Bin Ḥabīb al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. 'Abd al-Wahhāb Ḥawās (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1989), 131. Al-Imām Abū Zakariyyā Yahyā Bin Sharaf al-Nawawī al-Dimashqī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, ed. 'Adil Aḥmad 'Abd al-Maujūd dan 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ (Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 2003), 4:197. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:399. Abū Muḥammad Mahmūd Bin Aḥmad al-'Aynī, *Al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 9:57. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:10.

⁴³ Al-Imām Mālik Bin Anas al-Asbaḥī, *Al-Mudawwanah al-Kubrā: Riwayat al-Imām Saḥnūn Bin Sa'īd al-Tanūkhī 'an al-Imām 'Abd al-Rahmān Bin Qāsim*, dicetak bersama Abū al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtaḍathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3:629. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:197. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:400. Lihat juga: Ayman 'Abd al-Ḥamīd al-Badārayn, "Al-Muḍārabah bi al-Aḥmān al-Mu'āṣarah; Fulūs: Dirāsah Fiḥiyyah Muqāranah," *Majallat al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah: Silsilat al-Dirāsāt al-Insāniyyah*, Vol. 2 Jil. 18, 337-361 (Jun 2010), 337 & 345.

muḍārabah berupa wang semasa (*fulūs*) hukumnya harus tapi *makrūh*.⁴⁴ Sedangkan mengikut pendapat yang dipilih oleh Al-‘Allāmah Ibn ‘Abdūs al-Ḥanbalī dan ditarjihkan (diperkuatkan) oleh Ashhab al-Mālikī serta pendapat Muḥammad Bin al-Ḥasan⁴⁵ dan pendapat majoriti *fuqahā’* semasa bahawa modal *muḍārabah* berupa wang semasa (*fulūs*) hukumnya harus secara mutlak.⁴⁶

Mengikut aliran transaksi yang diamalkan oleh BPRS HIK Bekasi, maka menurut penulis ianya telah memenuhi syarat-syarat daripada *ra’s al-māl* (modal) yang ditentukan oleh para *fuqahā’*, iaitu:

1. Modal yang digunakan berupa wang semasa (*fulūs*), di mana ianya merupakan alat penukaran barangan semasa yang sah. Keharusan penggunaan modal berupa wang semasa ini telah dibenarkan oleh majoriti *fuqahā’* semasa.
2. Modal yang digunakan untuk mengurus niaga mesti jelas, iaitu ianya diketahui dari segi jenis, kadar dan sifat.⁴⁷ Syarat ini merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā’*.
3. Modal *muḍārabah* mestilah berbentuk tunai, bukan berbentuk hutang.⁴⁸ Ini merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā’*.
4. Modal mesti diserahkan kepada *muḍārib*,⁴⁹ supaya pihak *muḍārib* berkuasa dalam mengelola harta tanpa penyertaan pihak *ṣāhib al-māl*.⁵⁰ Ini juga merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā’*.

⁴⁴ Al-Imām Mālik, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, 3:629. Namun, menurut riwayat Ibn Rushd bahawa Ibn al-Qāsim tidak membenarkan modal *muḍārabah* berupa wang (*fulūs*). Lihat: Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1832.

⁴⁵ Al-‘Aynī, *Al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, 9:57. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:15.

⁴⁶ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1832. Ayman ‘Abd al-Ḥamīd al-Badārayn, “*Al-Muḍārabah bi al-Aḥmān al-Mu’āṣarah; Fulūs*,” 343 & 344.

⁴⁷ Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 131. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:198. Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī, *Al-Mughnī*, 7:183. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:400. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:15.

⁴⁸ Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 134. Ibn Rushd, *Bidāyat Al-Mujtahid*, 4:1832-1833. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:15.

⁴⁹ Burhān al-Dīn Abū Bakr ‘Alī Bin Abī Bakr Bin ‘Abd al-Jalīl al-Rushdanī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, ed. 2, dicetak bersama Abū Muḥammad Maḥmūd Bin Aḥmad al-‘Aynī, *Al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 9:62. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:199. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:21.

4. *Al-‘Amal* (kerja/ usaha), iaitu suatu yang mana dengannya pengusaha dapat mengembangkan modal *muḍārabah*. Mengikut ketentuan kontrak kerja, akad *muḍārabah* dapat digolongkan menjadi dua jenis, iaitu⁵¹ pertama, *muḍārabah muṭlaqah*, iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha tanpa terikat dengan jenis-jenis perniagaan, tempat tertentu, masa tertentu dan tanpa terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan *muḍārib*. Para *fuqahā’* bersepakat mengenai keharusan jenis akad *muḍārabah* seperti ini.

Kedua, *muḍārabah muqayyadah*, iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha dengan terikat kepada jenis-jenis perniagaan, tempat tertentu, masa tertentu dan pengikatan dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan *muḍārib*. Akad *muḍārabah* seperti ini diharuskan oleh golongan mazhab Hanafi⁵² dan Hanbali⁵³, manakala mazhab Maliki dan Shafi‘i tidak mengharuskannya kerana sebarang ikatan akan melenyapkan tujuan kontrak iaitu perolehan keuntungan. Pensyaratan ini juga akan menyempitkan liputan kerja pengusaha, di mana ianya akan menambah *gharār*.⁵⁴

Fuqahā’ Shafi‘i mensyaratkan bahawa kegiatan yang boleh dilakukan dengan modal *muḍārabah* terbatas kepada aktiviti perniagaan sahaja.⁵⁵ Manakala *fuqahā’* Hanafi⁵⁶, Maliki⁵⁷ dan Hanbali⁵⁸ tidak membataskan penggunaan modal *muḍārabah* untuk membiayai aktiviti perniagaan dengan menjual dan membeli secara langsung

⁵⁰ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:400.

⁵¹ Al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘*, 8:28. Zayd Bin Muḥammad al-Rummānī, *‘Aqd al-Muḍārabah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Athāruhu ‘Alā al-Maṣārif wa Buyūt al-Tamwīl al-Islāmiyyah* (Riyadh: Dār al-Ṣamī‘i, 2000), 39-40. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 75-76.

⁵² Al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘*, 8:28 & 50-51.

⁵³ Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-‘Irādāt*, 3:569.

⁵⁴ Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 153-156. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1836.

⁵⁵ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:200.

⁵⁶ Al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘*, 8:31.

⁵⁷ Ibn Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtadathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, 3:655.

⁵⁸ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7: 116,117&151.

sahaja. Mereka membenarkan penggunaan modal *muḍārabah* dalam pelbagai bidang ekonomi yang berkemungkinan boleh memperoleh keuntungan.

Dalam pelaksanaan produk TAHAROH, Pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi menyatakan bahawa akad yang digunakan dalam produk TAHAROH adalah akad *muḍārabah muṭlaqah*. Di mana dalam melakukan usahanya, pihak bank tidak terikat dengan tempat, tidak terikat dengan jenis-jenis perniagaan dan tidak terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan pihak bank. Jenis akad *muḍārabah* seperti ini diharuskan oleh mana-mana *fuqahā'*, kerana perselisihan yang terjadi antara mereka hanya berlaku pada jenis akad *muḍārabah muqayyadah* sahaja.⁵⁹

Manakala aktiviti yang dilakukan pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi dalam mengelola dana pelanggan TAHAROH tidak terhad pada aktiviti perniagaan sahaja, namun juga mencakupi beberapa aktiviti lainya. Hal ini dibenarkan oleh *fuqahā'* Maliki, di mana mereka mengharuskan *muḍārabah* dalam bidang perniagaan dan pertanian.⁶⁰ Begitu juga dibenarkan oleh Muḥammad Bin al-Ḥasan daripada mazhab Hanafi⁶¹ dan riwayat daripada al-Imām Aḥmad, di mana mereka mengharuskan *muḍārabah* dilakukan dalam pelbagai bidang ekonomi meliputi perniagaan, pertanian dan pembuatan barangan.⁶²

5. *Al-Ribḥ* (untung), iaitu bahagian yang diketahui bersama di mana ianya merupakan lebih daripada modal yang diperolehi daripada usaha *muḍārib*. Para *fuqahā'* telah mensyaratkan bahawa kadar bahagian keuntungan masing-masing pihak yang

⁵⁹ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1836.

⁶⁰ Aḥmad Bin Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtaḍathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, 3:655.

⁶¹ Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:31.

⁶² Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:151.

berkontrak hendaklah diketahui.⁶³ Harta yang diagihkan adalah bahagian daripada harta keuntungan, bukan daripada harta modal,⁶⁴ dan dengan penentuan kadar yang dimaklumi bersama dengan cara yang mudah, seperti ½ atau 1/3, bukan berupa suatu jumlah wang yang ditentukan, seperti RM 10000.⁶⁵

Dalam amalannya, penentuan keuntungan pada produk TAHAROH dibahagikan dengan nisbah kongsi untung 42% untuk pihak bank dan 58% untuk pihak pelanggan. Kadar ini sudah diketahui dan disepakati oleh kedua-dua pihak yang berkontrak ketika akad dibuat.⁶⁶ Namun begitu, nisbah tersebut akan berlaku jika benar-benar terjadi keuntungan daripada hasil pengelolaan modal. Ini bermakna bahawa keuntungan tersebut merupakan hasil lebih daripada modal, bukan bahagian daripada modal itu sendiri. Oleh itu, menurut kenyataannya bahawa penentuan keuntungan pada akad *muḍārabah* yang diterapkan dalam produk TAHAROH sudah selari dengan fiqh muamalat.

Sebagai kesimpulan daripada rukun-rukun akad *muḍārabah* yang telah diaplikasikan dalam produk TAHAROH, penulis gambarkan melalui jadual 4.2:

⁶³ Shihāb al-Dīn Aḥmad Bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, ed. Sa'īd A'rāb (Beirut: Dār al-Gharbī al-Islamī, 1994), 6:38. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:203. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:138. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:23.

⁶⁴ Muwaffaq al-Dīn Abū 'Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Qudāmah al-Maqdisī al-Ḥanbalī, *Al-Kāfī*, ed. Abdullah Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī (Kaherah: Dār Hijr, 1997), 3:353.

⁶⁵ *Ibid.* Burhān al-Dīn Abū Bakr 'Alī Bin Abī Bakr Bin 'Abd al-Jalīl al-Rushdanī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, 9:59. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:341-342. Lihat juga: Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 25.

⁶⁶ Penentuan nisbah untung sememangnya telah diketahui oleh pihak yang melakukan akad, namun didapati beberapa pelanggan tidak mengetahui nisbah tersebut. Penjelasan lebih lanjut akan di jelaskan oleh penulis pada analisis kefahaman pelanggan.

Jadual 4.2. Aplikasi rukun-rukun *muḍārabah* dalam produk TAHAROH

No.	Rukun <i>Muḍārabah</i>	Aplikasi Rukun <i>Muḍārabah</i> Dalam Produk TAHAROH
1	<i>Al-Ṣīghah</i>	Diamalkan pada awal akad, dengan <i>ījāb</i> (tawaran) daripada pihak pelanggan dan <i>qabūl</i> (penerimaan) oleh pihak bank, lalu diperkuat lagi dengan tandatangan pelanggan di borang aplikasi TAHAROH.
2	<i>Al-‘Āqidān</i>	Terdapat dua pihak yang saling mengadakan akad, satu pihak adalah pelanggan iaitu pihak yang menyimpan wangnya di bank, di mana ianya berperanan sebagai pemodal, dan pihak satu lagi adalah BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu pihak yang mengelola dana pelanggan.
3	<i>Ra’s al-Māl</i>	Berbentuk wang tunai, bukan berbentuk barangan, hutang atau tenaga. Jumlah minimum modal awal yang diserahkan oleh pihak pelanggan kepada pihak BPRS HIK Bekasi sebesar Rp 500,000 (lima ratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 167 Manakala jumlah minimum modal yang diserahkan selanjutnya sebesar Rp 100,000 (seratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 34.
4	<i>Al-‘Amal</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggunakan prinsip <i>muḍārabah muṭlaqah</i>. 2. Tidak terhad pada aktiviti perniagaan sahaja, namun ianya juga meliputi aktiviti-aktiviti yang lain.
5	<i>Al-Ribḥ</i>	Dibahagikan dengan nisbah kongsi untung 42% untuk pihak bank dan 58% untuk pihak pelanggan.

4.3.2. Analisis Usaha-Usaha Yang Dilakukan Pihak BPRS HIK Bekasi Dalam Mengelakkan Risiko Kerugian dan Menjaga Keselamatan Modal

Islam mengajar kepada penganutnya supaya selalu bersikap amanah dalam memikul tanggungjawab yang diberikan kepadanya, dan Islam melaknat orang yang mengkhianati amanah yang diberikan kepadanya. *Muḍārib* sebagai pihak yang mendapat kepercayaan dari *ṣāhib al-māl* untuk mengelola modal *muḍārabah*, mesti bertanggungjawab serta memiliki sikap amanah dan sifat jujur. Di antara bukti sikap amanah *muḍārib* terhadap tanggungjawab yang diberikan kepadanya, iaitu dengan melakukan usaha-usaha bagi mengelakkan kerugian dan menjaga keselamatan modal *muḍārabah*. Namun begitu, usaha-usaha tersebut tidaklah dibenarkan jika melanggar peraturan syariah, supaya prinsip-prinsip syariah selalunya tetap terjaga dalam bermuamalat.

Dalam amalan yang terjadi di BPRS HIK Bekasi, pihak bank sebagai *muḍārib* telah melakukan bermacam-macam usaha bagi mengelakkan risiko kerugian dan menjaga keselamatan modal *muḍārabah* milik pelanggan produk TAHAROH. Di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi iaitu:

1. Di dalam menyalurkan dana (simpanan) para pelanggan TAHAROH, pihak bank lebih menumpukan penggunaan akad yang *fix return* kepada produk pembiayaan, di mana ianya tidak ada penyerahan risiko kerugian kepada pihak bank, seperti akad *murābahah* dan *ijārah*. Jika dilihat daripada aspek syariahnya, usaha bank dalam menyalurkan dana para pelanggan TAHAROH dengan menggunakan akad yang *fix return* pada produk pembiayaan, tidak terdapat sebarang masalah, kerana pihak bank sebagai *muḍārib* bagi produk TAHAROH memiliki hak untuk mengelola modal *muḍārabah* sesuai kehendaknya, selama ianya masih dalam peraturan

syariah. Di samping itu, akad *murābahah* dan *ijārah* merupakan akad yang dibenarkan oleh syarak.

2. Jika dalam penyaluran dana para pelanggan TAHAROH, bank menggunakan akad yang *non-fix return* pada produk pembiayaan, seperti *muḍārabah* dan *mushārahah*, maka pihak bank melakukan langkah-langkah pencegahan (*prudential principle*) untuk mengurangi kemungkinan terjadinya risiko, sama ada yang disebabkan oleh *adverse selection* (pilihan yang merugikan) mahupun disebabkan oleh *moral hazard* (bahaya moral). Usaha BPRS HIK Bekasi untuk mengelakkan atau meminimumkan permasalahan *moral hazard* (bahaya moral), iaitu dengan cara mengawal kos pengeluaran, pendapatan, serta projek. BPRS HIK Bekasi juga melakukan kajiselidik kelayakan sebelum memberikan modal kerja kepada pelanggan produk pembiayaan yang memerlukan modal, dengan melakukan analisis 5 C iaitu *character* (watak), *capacity* (kemampuan), *capital* (Modal), *collateral* (jaminan), dan *condition of economy* (keadaan ekonomi). Selain daripada itu, dalam menyelamatkan modal dari kerugian yang disebabkan oleh *moral hazard* (bahaya moral), Dewan Pengawas Syariah (DPS) juga berperanan untuk menasihati para pelanggan produk pembiayaan dengan cara menggunakan pendekatan agama.

Manakala usaha BPRS HIK Bekasi untuk mengelakkan atau meminimumkan terjadinya permasalahan *adverse selection* (pilihan yang merugikan), iaitu dengan cara penyaringan ke atas projek yang akan dilakukan serta penyaringan terhadap calon pelanggan yang memohon permohonan pembiayaan modal kerja, dan membuat kontrak lengkap yang mengandungi penyerahan jaminan kepada pihak bank. Dilihat daripada aspek syariahnya, usaha ini tidaklah bercanggah dengan kaedah umum fiqh muamalah, kerana asas daripada suatu akad iaitu keredhaan

pihak-pihak yang berkontrak⁶⁷. Dalam hal ini, pihak bank hanya ingin melakukan kontrak *muḍārabah* kepada sesiapa yang ia redhai dan percayai untuk menjaga amanah dalam mengelola modal *muḍārabah*, dengan cara pengawalan serta penyaringan ke atas projek dan calon pelanggan produk pembiayaan. Fatwa Majelis Ulama Indonesia juga membenarkan perkara ini, sebagaimana yang ditetapkan dalam fatwa Dewan (Majlis) Syari'ah Nasional-Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No: 07/ DSN-MUI/ IV/ 2000 tentang Pembiayaan Mudharabah (Qiradh), yang berbunyi⁶⁸: "...Lembaga Kewangan Syari'ah (LKS) tidak ikut serta dalam manajemen perusahaan atau projek [projek] tetapi mempunyai hak untuk melakukan pembinaan dan pengawasan", (Point No. 04).⁶⁹

Manakala mengenai perkara penyerahan jaminan dalam akad *muḍārabah* oleh pihak pelanggan (*muḍārib*) produk pembiayaan kepada pihak *ṣāhib al-māl* iaitu BPRS HIK Bekasi, juga terdapat fatwa Majelis Ulama Indonesia yang membenarkannya. Fatwa Dewan (Majlis) Syari'ah Nasional-Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No: 07/ DSN-MUI/ IV/ 2000 tentang Pembiayaan Mudharabah (Qiradh), menyatakan bahawa⁷⁰:

"Pada prinsipnya, dalam pembiayaan mudharabah tidak ada jaminan, namun agar mudharib tidak melakukan penyimpangan, Lembaga Kewangan Syari'ah (LKS) dapat meminta jaminan dari mudharib atau pihak ketiga. Jaminan ini hanya dapat dicairkan apabila mudharib terbukti melakukan pelanggaran terhadap hal-hal yang telah disepakati bersama dalam akad.", (Point No. 07).⁷¹

⁶⁷ Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah, *Al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*, ed. Aḥmad Bin Muḥammad al-Khalīl (Jeddah: Dār Ibn al-Jawzī, 1422 H), 280.

⁶⁸ Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

⁶⁹ Dewan Syari'ah Nasional Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syari'ah Nasional MUI*, ed. Ichwan Sam et al., ed. ke-3 rev. (Ciputat-Jakarta: Dewan Syari'ah Nasional Majelis Ulama Indonesia, 2006), 43.

⁷⁰ Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

⁷¹ Dewan Syari'ah Nasional Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syari'ah Nasional MUI*, 43-44.

Perlu diingatkan, bahawa jaminan ini tidak dapat dicairkan jika *muḍārib* (pelanggan produk pembiayaan) tidak terbukti melakukan kecuaiian atau penyalahgunaan dalam mengelola modal yang diperoleh dari pihak bank. Maknanya, jaminan tersebut mesti dikembalikan lagi kepada pelanggan (*muḍārib*) produk pembiayaan apabila terjadi kerugian usaha yang bukan disebabkan oleh kecuaiian pihak pelanggan (*muḍārib*) produk pembiayaan.

Fatwa DSN-MUI tersebut juga diperkuatkan dengan adanya keputusan Accounting and Auditing Organization for Islamic Finance Institutions (AAOIFI) dalam Standard Shariah 2010, standard 13, klausa 6 yang menyatakan:

“Diharuskan bagi pihak pemodal untuk mengambil jaminan/cagaran secukupnya dan selayaknya daripada pihak *muḍārib*, dengan syarat pihak pemodal tidak berhak menuntut jaminan/cagaran tersebut kecuali jika benar-benar telah terjadi pencerobohan, kecuaiian atau penyelewengan ke atas syarat-syarat akad *muḍārabah* (oleh pihak *muḍārib*).”⁷²

3. Pihak BPRS HIK Bekasi juga mencadangkan dana daripada keuntungan pengelolaan simpanan TAHAROH pada bulan lepas, bagi menghadapi kemungkinan terjadinya risiko kerugian akibat kegagalan pembayaran oleh pelanggan produk pembiayaan. Adapun jumlah pencadangan dana tersebut tidaklah sama untuk setiap pembiayaan, di mana pihak bank telah mengkategorikan menjadi 4 kategori, iaitu pembiayaan yang baik, pembiayaan yang kurang baik, pembiayaan yang diragukan, dan pembiayaan yang tidak baik. Bank akan mencadangkan dana daripada keuntungan bulan lepas untuk kategori pembiayaan yang baik sebesar $\frac{1}{2}$ peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang baik, untuk kategori pembiayaan

⁷² Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, *al-Ma'āyir al-Shar'iyyah 2010M-1431H* (Bahrain: Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, 2010), 185. Accounting and Auditing organisation for Islamic Financial Institutions, *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions 1432H-2010* (Bahrain: Accounting and Auditing organization for Islamic Financial Institutions, 2010), 236.

yang kurang baik sebesar 10 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang kurang baik, untuk kategori pembiayaan yang diragukan sebesar 50 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang diragukan, dan untuk kategori pembiayaan yang tidak baik sebesar 100 peratus daripada jumlah dana pembiayaan yang tidak baik.

Dilihat daripada segi syariahnya, tidak ada perkara yang bercanggah dengan kaedah-kaedah umum fiqh muamalat, di mana hal ini merupakan satu strategi yang digunakan bank untuk menjaga keselamatan dana para pelanggan TAHAROH daripada kerugian yang disebabkan gagal bayar oleh para pelanggan produk pembiayaan yang memerlukan modal. Dana cadangan yang diperolehi daripada keuntungan bank pada bulan lepas, dapat dikira sebagai sebuah kos pengeluaran yang wajib disediakan oleh pihak bank bagi mengelakkan risiko kerugian gagal bayar. Hal ini kerana ianya merupakan sebuah peraturan kerajaan Indonesia yang mesti dilakukan oleh seluruh institusi perbankan di Indonesia, termasuk juga jenis Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS)⁷³. Dana cadangan tersebut dalam peraturan Bank Indonesia (PBI) dinamakan dengan PPAP (Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif)⁷⁴, ianya diatur dalam Peraturan Bank Indonesia Nomor 13/ 26 /PBI/2011 Tentang Perubahan Atas Peraturan Bank Indonesia Nomor 8/19/PBI/2006 Tentang Kualitas Aktiva Produktif dan Pembentukan Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif Bank Perkreditan Rakyat.

⁷³ Peraturan Bank Indonesia Nomor 13/ 26 /PBI/2011 Tentang Perubahan Atas Peraturan Bank Indonesia Nomor 8/19/PBI/2006 Tentang Kualitas Aktiva Produktif dan Pembentukan Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif Bank Perkreditan Rakyat, Pasal 12, No. 1.

⁷⁴ Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif, yang selanjutnya disebut PPAP adalah cadangan yang harus dibentuk sebesar persentase tertentu dari baki debit berdasarkan penggolongan kualitas Aktiva Produktif. (Peraturan Bank Indonesia Nomor 13/ 26 /PBI/2011 Tentang Perubahan Atas Peraturan Bank Indonesia Nomor 8/19/PBI/2006 Tentang Kualitas Aktiva Produktif dan Pembentukan Penyisihan Penghapusan Aktiva Produktif Bank Perkreditan Rakyat, Pasal 1, No. 6).

4.3.3. Analisis Kefahaman Pelanggan Terhadap Kontrak Yang Dilakukan Pada Produk TAHAROH

Rukun kedua akad *muḍārabah* iaitu *al-‘āqidāni* yang terdiri daripada *sāhib al-māl* dan *muḍārib*. Peranan *sāhib al-māl* dalam akad *muḍārabah* ialah menyediakan modal usaha, manakala peranan *muḍārib* ialah meluangkan masa dan tenaganya untuk mengelola modal yang digunakan dalam berniaga. Dalam perbahasan rukun kedua daripada akad *muḍārabah* ini, para *fuqahā’* telah memberikan syarat-syarat yang mesti dipenuhi dalam rukun *al-‘āqidāni* ini, sebagaimana perbahasan yang telah dipaparkan penulis di dalam bab II. Daripada perbahasan tersebut, didapati kesepakatan para *fuqahā’* mengenai keharusan orang yang sudah mencapai usia baligh dan berakal untuk melakukan kontrak *muḍārabah*, sama ada itu pihak *sāhib al-māl* mahupun pihak *muḍārib*.⁷⁵ Hal ini, kerana seorang yang sudah mencapai usia baligh dan berakal biasanya dapat membezakan antara yang benar (*haqq*) dan yang salah (*bāṭil*), serta dapat memahami apa yang semestinya ia lakukan dalam bermuamalah.

Kefahaman pihak yang berkontrak terhadap sesebuah akad yang dilakukannya sangat mempengaruhi terhadap pemateraian akad tersebut, di mana ianya dapat menentukan kesahihan akad tersebut. Hal ini kerana tiada kefahaman pihak yang berkontrak akan menyebabkan beberapa syarat daripada rukun sesebuah akad tidak dapat terpenuhi dengan sempurna. Sesuatu akad juga menjadi rosak akibat kedua-dua pihak atau salah satu pihak yang berkontrak tidak mengetahui jenis/bentuk akad yang digunakan dalam transaksi yang akan dilakukan. Bagaimana mungkin sesuatu akad itu dapat dikatakan sah jika salah satu pihak yang berkontrak tidak mengetahui jenis/bentuk akad yang digunakannya dalam bertransaksi.

⁷⁵ Zayd Bin Muḥammad al-Rummānī, *‘Aqd al- Muḍārabah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Atharuhu*, 52&55.

Ketidakhafaman atau tidak tahunya salah satu pihak yang berkontrak terhadap akad *muḍārabah* yang digunakannya dalam bertransaksi pada institusi kewangan Islam semasa, sekurang-kurangnya akan menyebabkan tidak dipenuhi rukun *al-ṣīghah* secara sempurna serta menyebabkan tidak dipenuhi salah satu syarat pada rukun *al-riḅh* (keuntungan) iaitu kadar pembahagian keuntungan masing-masing pihak yang berkontrak hendaklah diketahui bersama.⁷⁶ Perkara ini boleh jadi disebabkan adanya kecuafian daripada salah satu pihak (*ṣāḅib al-māl* atau *muḍārib*) atau kedua-dua pihak sekali, pada saat akad dibuat.

Dalam transaksi penyimpanan dana haji pada produk TAHAROH, didapati bahawa sebahagian pelanggan sememangnya telah memahami dan mengetahui jenis/bentuk akad yang digunakan dalam produk TAHAROH ini. Oleh dengan itu, sebahagian mereka menyetujui jika dana haji mereka disimpan dengan menggunakan prinsip *muḍārabah*, kerana dengan prinsip *muḍārabah* ini para pelanggan akan memperoleh kadar keuntungan yang akan mempercepat proses pengumpulan dana haji mereka. Namun begitu, sebahagian yang lain tidak memahami dan mengetahui akad yang digunakan dalam produk TAHAROH, bahkan ada pelanggan yang menyangka bahawa akad yang digunakan adalah akad *wadī'ah*, padahal sebagaimana yang tertulis dalam risalah TAHAROH, akad yang digunakan adalah akad *muḍārabah*, bukanlah akad *wadī'ah*.

BPRS Harta Insan Karimah Bekasi sememangnya sudah berusaha dalam meningkatkan kualiti sumber manusia untuk para pegawainya (*customer service*), agar mereka dapat berkhidmat kepada pelanggan dengan sebaik mungkin, sehingga semua aspek syariah berkenaan dengan akad yang dilakukan dengan pelanggan dapat berjalan sesuai dengan kehendak Syarak. Namun begitu, masih terdapat beberapa pegawai

⁷⁶ Al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, 6:38. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn*, 4:203. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:138. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:23.

perkhidmatan pelanggan (*customer service*) yang telah melakukan kecuaiian dalam melakukan kontrak dengan para pelanggan produk TAHAROH, di mana sebahagian mereka tidak menerangkan kepada para pelanggan tentang akad yang digunakan pada produk TAHAROH dan perkara-perkara lainnya yang semestinya wajib diketahui oleh para pelanggan, seperti kadar keuntungan yang ditetapkan untuk masing-masing pihak.

Kecuaian yang dilakukan oleh sebahagian *customer service* bank ini, boleh menyebabkan akad *muḍārabah* yang dimaksud dalam produk TAHAROH menjadi rosak, kerana rukun *al-ṣīghah* daripada akad *muḍārabah* tidak dilakukan dengan sebenar. Persetujuan pihak pelanggan untuk memilih produk TAHAROH sebagai tempat menyimpan dana haji, yang kemudiannya diperkuat dengan tanda tangan pelanggan sebagai bentuk keredhaan mereka, bukan bererti rukun *al-ṣīghah* pada akad *muḍārabah* tersebut telah dilakukan dengan sebenar, kerana sebahagian pelanggan sememangnya tidak mengetahui akad yang digunakan dalam produk TAHAROH ini. Persetujuan dan tanda tangan para pelanggan pada borang produk TAHAROH hanya boleh dijadikan sebagai isyarat terpenuhnya rukun *al-ṣīghah* ketika para pelanggan telah mengetahui jika akad *muḍārabah*-lah yang digunakan dalam produk TAHAROH ini.

Kecuaian ini juga menyebabkan salah satu syarat pada rukun *al-ribḥ* (keuntungan) tidak terpenuhi, kerana sebahagian pelanggan tidak mengetahui kadar bahagian perkongsian untung yang akan mereka perolehi, di mana semestinya kadar bahagian keuntungan masing-masing pihak yang berkontrak hendaklah diketahui bersama.⁷⁷ Tidak terpenuhnya salah satu syarat daripada rukun-rukun *muḍārabah* boleh menyebabkan kontrak *muḍārabah* tidak sah, ini kerana sesebuah akad hanya dianggap sah di sisi syarak apabila seluruh rukun dan syarat-syarat yang terdapat didalamnya dapat terpenuhi secara sempurna. Al-Bahūṭī seorang ahli fiqh bermazhab Hanbali

⁷⁷ Al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, 6:38. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:203. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:138. Al-Kāsānī, *Badā'ī 'al-Ṣanā'ī'*, 8:23.

menghukumkan tidak *ṣaḥīḥ* ke atas akad syarikat dan *muḍārabah* yang tidak disebutkan kadar keuntungan yang disepakati ketika akad dibuat.⁷⁸

4.3.4. Analisis *Damān* (Jaminan Ganti Rugi) Pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi Terhadap Risiko Kerugian Modal Simpanan Pelanggan

BPRS Harta Insan Karimah telah mempunyai komitmen yang sangat tinggi untuk menjaga keselamatan modal para pelanggan TAHAROH, komitmen ini berbentuk usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak bank, yang dianggap mampu mengelakkan risiko kerugian maupun mengurangnya. Lebih daripada itu, untuk menjaga keselesaan para pelanggan TAHAROH agar mereka berminat untuk menyimpan dananya pada produk ini, dan mengelakkan kerisauan mereka dari kehilangan modal dana haji yang mereka simpan di bank, maka pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi menjamin pulangan modal para pelanggan TAHAROH ini. Hal ini juga agar bank syariah mampu bersaing dengan bank konvensional yang menjamin pulangan modal para pelabur beserta tambahan faedahnya.

Adapun dari segi fiqh muamalatnya, hukum penjaminan pihak pengusaha terhadap modal *muḍārabah* telah dibahas dan dikaji oleh para *fuqahā'* dan para sarjana muslim semenjak zaman kehidupan para imam *fuqahā'* empat mazhab. Pembahasan mengenai jaminan ke atas modal *muḍārabah* menjadi sangat penting di dunia perekonomian Islam khususnya perbankan syariah, kerana penjaminan ke atas modal *muḍārabah* oleh pihak pengusaha (bank syariah) merupakan salah satu penyelesaian bagi pihak bank untuk menarik para pelanggannya supaya mahu menyimpan wangnya di bank syariah, serta merupakan suatu cara untuk bersaing dengan bank konvensional dengan tetap menggunakan prinsip kongsi untung (*muḍārabah*) sebagai suatu pembezaan antara bank syariah dan bank yang berasaskan faedah *ribawiyah*. Oleh itu,

⁷⁸ Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:550.

untuk menganalisis hukum jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* (pengusaha/ bank) secara jelas, maka perlu pemaparan pendapat para *fuqahā'* dan sarjana muslim sama ada klasik mahupun semasa, serta pemaparan hujah setiap daripada pendapat-pendapat ini.

Perlu diketahui, terdapat perbezaan antara kes pensyaratan atau mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* dan kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela. Di dalam kes pensyaratan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib*, terdapat unsur-unsur paksaan dan ketidakadilan yang mungkin berlaku. Namun, di dalam kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela, tidak terdapat unsur kezaliman.⁷⁹

Dalam kes yang pertama, iaitu kes pensyaratan atau mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* terdapat dua pandangan *fuqahā'* mengenainya. Pertama, iaitu mazhab majoriti *fuqahā'* (Mazhab Hanafī, Maliki, Shafī'i dan Hanbali), di mana mereka berpandangan bahawa tidak dibenarkan mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* kerana ianya melanggar maksud dan tujuan daripada akad *muḍārabah*, maka syarat tersebut merupakan syarat yang *fāsid* (rosak) dan tidak diiktiraf, serta *muḍārib* tidak menanggung risiko kerugian jika ianya benar-benar terjadi.⁸⁰ Kerana pensyaratan *ḍamān* ke atas *muḍārib* menjadikan modal yang dipegang olehnya sebagai harta pinjaman berupa hutang (*qarḍan*), serta adanya kadar keuntungan yang diperuntukkan untuk *ṣāhib al-māl* menjadikannya suatu pinjaman yang menghasilkan manfaat (faedah *ribawiyyah*).

⁷⁹ Aznan Hassan dan Zaharuddin Abdul Rahman, "Mushārahah dan Muḍārabah: Isu Jaminan Perlindungan Modal dan Pengukuhan Kredit" (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 5, Phuket, Thailand, 14-15 September 2011), 22.

⁸⁰ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1835-1836. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, 2:194. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:345. Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Muḥammad Bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣrī, *Al-Hāwī al-Kabīr*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maujūd (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 7:332. Ibn Nujaym al-Maṣrī al-Ḥanāfī, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, ed. al-Shaykh Zakariyyā 'Umayrāt (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 7:449.

Pandangan kedua, iaitu pandangan yang dinisbahkan kepada al-Shawkānī dan *ditarjihkan* (diperkuatkan) oleh Dr. Nazīh Ḥammād⁸¹, Mereka berpandangan bahawa pensyaratan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* adalah sah (dibenarkan), boleh dibuat dan apabila diterima syarat demikian, dia dikira terikat dengan jaminan tersebut. Hujahnya iaitu apabila pihak *muḍārib* menyepakati syarat tersebut dan redha untuk menerimanya, maka ia termasuk ke dalam kategori harus. Al-Shawkānī menyebut:⁸²

إذا ضُمَّنُوا⁸³ ضَمِنُوا لَهُمْ قَدْ اخْتَارُوا ذَلِكَ لِأَنْفُسِهِمْ، وَالتَّرَاضِي هُوَ الْمَنَاطُ فِي تَحْلِيلِ
أَمْوَالِ الْعِبَادِ.

Bermaksud: Apabila mereka dikenakan jaminan (dan mereka menerimanya) maka mereka menanggungnya kerana mereka telah memilih syarat tersebut dengan keredhaan mereka, di mana keredhaan merupakan asas dalam menghalalkan urusan kewangan sesama manusia.

Manakala perbahasan mengenai kes yang kedua, iaitu kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela, hanya terdapat dalam mazhab Maliki dan sebuah pandangan yang dikemukakan oleh al-Shawkānī. Dalam kes ini, *fuqahā'* Maliki⁸⁴ memiliki pandangan yang berbeza antara mereka, di mana ianya terbahagi menjadi dua pendapat. Pertama, sebahagian mereka berpendapat bahawa *muḍārabah* menjadi rosak (*fāsid*), kerana perbuatan sukarela pengusaha untuk menjamin risiko kerugian modal menyerupai hadiah yang diberikan kepada pemodal, dan tidaklah dibenarkan bagi pemodal menerima hadiah daripada pengusaha kerana dikhuatiri ada maksud tertentu pengusaha dalam akad *muḍārabah* ini untuk

⁸¹ Nazīh Ḥammād, *Qadāyā Fiqhiyyah Mu'āsarah fī al-Māl wa al-Iqtisād* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2001), 408.

⁸² Al-Imām al-Shaykh Muḥammad Bin 'Alī al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2004), 587.

⁸³ Mengikuti *siyāq al-kalām* (maksud pembicaraan) al-Shawkānī, mereka adalah *muḍārib*, *wadī'*, *waṣī'*, *wakīl* dan *multaqit*.

⁸⁴ Al-Ḥattāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, ed. al-Shaykh Zakariyyā 'Umayrāt (Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, tt), 7:447. Abū al-'Abbās Aḥmad Bin Yaḥyā al-Wansharīsī, *Al-Mi'yār al-Mu'rib* (Maghribi: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah bi al-Mamlakah al-Maghribiyyah, 1981), 8:216. Muḥammad Bin Aḥmad 'Arafah al-Dusūqī al-Malikī, *Ḥāshiyat al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, dicetak bersama Abū al-Barakāt Sayyidī Aḥmad al-Dardīr al-'Adawī, *Al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996) 5:284.

memperoleh manfaat yang dikhususkan untuknya dan untuk memperoleh tambahan keuntungan melebihi kadar keuntungan yang disepakati ketika akad dibuat.⁸⁵ Pendapat ini disepakati oleh Ibn Sahl daripada *fuqahā'* Maliki.⁸⁶

Manakala pendapat kedua daripada mereka membenarkan perbuatan sukarela pengusaha dalam menjamin modal *muḍārabah*, dan akad *muḍārabah* tersebut juga tetap sah. Mereka berhujah dengan menqiyaskan kebenaran *al-wadī'* (yang diberi amanah untuk memegang simpanan/serahan) dalam menjamin apa yang diserahkan kepadanya secara sukarela apabila kerelaan tersebut sesudah akad *al-wadī'ah* sempurna dilakukan, meskipun pada asalnya apa yang diserahkan kepadanya merupakan sebuah amanah, di mana pemegang amanah tidaklah dibebani untuk menjamin apa yang telah diamanahkan kepadanya. Begitu juga *muḍārib* dibenarkan untuk menjamin modal *muḍārabah* secara sukarela sesudah akad *muḍārabah* sempurna dilakukan, meskipun pada asalnya apa yang diberikan kepadanya merupakan sebuah amanah.⁸⁷ Pendapat kedua ini disepakati oleh Ibn 'Itāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā'* Maliki⁸⁸, dan al-Shawkānī, di mana dalam membenarkan pandangannya, al-Shawkānī memberikan hujah dengan menggunakan dalil syarak yang umum iaitu wujud keredhaan daripada pihak yang berkenaan.⁸⁹ Pendapat kedua ini juga telah *ditarjīḥkan* (diperkuatkan) oleh Prof. Al-Tijānī 'Abd al-Qādir Aḥmad⁹⁰.

⁸⁵ Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 422.

⁸⁶ Al-Imām Abū 'Abd Allāh Muḥammad Bin Muḥammad al-Tāwudī, *Ḥulā al-Mu'āṣim li Fikr Ibn 'Āṣim: Sharḥ Arjūzah Tuḥfat al-Ḥukkām*, dicetak bersama Abū al-Ḥasan 'Alī Bin 'Abd al-Salām al-Tusulī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*, ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir Shāhīn (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 2:358. Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, 7:447.

⁸⁷ Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 422.

⁸⁸ Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, 7:447. Al-Wansharīsī, *Al-Mi'yār al-Mu'rib*, 8:216.

⁸⁹ Al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār*, 587.

⁹⁰ Al-Tijānī 'Abd al-Qādir Aḥmad, "Ḍamān al-Muḍārib li Ra's al-Māl fī al-Wadā'i' al-Maṣrafiyyah," *Majallah Jāmi'ah al-Malik 'Abd al-'Azīz: Al-Iqtisād al-Islāmī*, Jil. 16, Bil. 1, 61-72 (1424 H/2003 M), 61.

Pemaparan kedua pandangan tadi juga dinyatakan oleh al-Bannānī dalam al-Fatḥ al-Rabbānī:⁹¹

لَوْ تَطَوَّعَ الْعَامِلُ بِالضَّمَانِ فَذَهَبَ ابْنُ عَتَابٍ وَشَيْخُهُ أَبُو الْمَطْرِفِ إِلَى أَنَّهُ صَحِيحٌ
وَذَهَبَ غَيْرُهُمَا إِلَى الْمَنْعِ وَمَالَ إِلَيْهِ ابْنُ سَهْلٍ.

Bermaksud: jika pihak pengusaha menjamin (modal) secara sukarela, maka menurut Ibn ‘Itāb dan gurunya, iaitu Abū al-Muṭrif ianya sah, manakala menurut selain daripada mereka ianya tidak dibenarkan, di mana pandangan ini diikuti oleh Ibn Sahl.

Dengan pemaparan kes-kes beserta pandangan para *fuqahā’* tadi, muncul satu pertanyaan penting iaitu termasuk dalam kes yang mana jaminan yang dilakukan oleh pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi ke atas modal *muḍārabah* para pelanggan produk TAHAROH?. Menurut data yang diperolehi oleh penulis, pihak bank tidak mensyaratkan jaminan ini ketika akad dibuat, di mana tidak terdapat sebarang pensyaratan secara hitam putih yang memaksa pihak bank untuk menjamin modal *muḍārabah*. Munculnya jaminan ini merupakan keinginan ikhlas pihak bank untuk menjamin keselamatan modal *muḍārabah* para pelanggan produk TAHAROH. Oleh itu, meskipun tidak ada kesepakatan secara hitam putih pihak bank tetap menjamin modal para pelanggan produk TAHAROH, hal ini demi menjaga reputasi bank dan juga sebagai bentuk keprihatinan pihak bank terhadap kurangnya kesediaan para pelanggan untuk menanggung risiko kerugian.

Mengikut data yang diperolehi penulis, dapat disimpulkan bahawa keinginan bank untuk menjamin keselamatan modal *muḍārabah* disebabkan oleh tiga faktor utama. Pertama, para pelanggan tidak bersedia untuk menanggung risiko kerugian yang boleh mengurangi dana Umroh dan Haji mereka, dan mereka menganggap bahawa pihak bank menjamin wang mereka dari kerugian. Kedua, supaya boleh mendapatkan

⁹¹ Muḥammad Bin al-Ḥasan Bin Mas‘ūd al-Bannānī, *Al-Fatḥ al-Rabbānī Fīmā Dhahala ‘Anhu al-Zarqānī*, dicetak bersama ‘Abd al-Bāqī Bin Yūsuf Bin Aḥmad Bin Muḥammad al-Zarqānī al-Maṣrī, *Sharḥ al-Zarqānī ‘ala Mukhtaṣar Sayyidī Khalīl*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Amīn (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 389.

modal untuk berniaga daripada para pelanggan produk TAHAROH atau supaya boleh menarik para pelanggan agar berminat untuk menyimpan wang haji mereka pada produk TAHAROH, dengan tetap menggunakan sistem kongsi untung berupa akad *muḍārabah*. Ketiga, supaya mampu bersaing dengan bank-bank konvensional dan mengelakkan masyarakat daripada bermuamalah dengan faedah *ribawiyyah*. Oleh itu, menurut pandangan penulis kes jaminan yang terjadi di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi lebih sesuai jika dimasukkan ke dalam kategori kes yang kedua, iaitu kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela.

Jika kes jaminan yang terjadi di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi dimasukkan ke dalam kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela, maka ianya diharuskan mengikut pandangan yang dikemukakan oleh Ibn ‘Itāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā’* Maliki⁹², dan al-Shawkānī. Menurut al-Shawkani:⁹³

التراضي هو المناطُ في تحليل أموال العباد.

Bermaksud: keredhaan merupakan asas dalam menghalalkan urusan kewangan sesama manusia.

Ibn Taymiyyah seorang ulama bermazhab Hanbali juga pernah menyatakan:⁹⁴

إنَّ الأصل في العقود رضى المتعاقدين، وموجبها هو ما أوجباه على أنفسهما بالتعاقد.

Bermaksud: Sesungguhnya asal di dalam perkontrakan adalah keredhaan kedua pihak yang berakad, dan kewajipannya adalah sesuatu yang mereka wajibkan ke atas diri mereka berdua ketika melakukan kontrak.

⁹² Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, 7:447. Al-Wanṣharīsī, *Al-Mi‘yār al-Mu‘rib*, 8:216.

⁹³ Al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq ‘alā Ḥadā’iq al-Azhār*, 587.

⁹⁴ Ibn Taymiyyah, *Al-Qawā‘id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*, 280.

4.4. Kesimpulan

BPRS Harta Insan Karimah Bekasi telah menggunakan konsep *muḍārabah* dalam beberapa produk yang ditawarkan kepada para pelanggannya, sama ada produk pengumpulan dana mahupun produk pembiayaan. Antara produk yang menggunakan konsep *muḍārabah* di BPRS HIK Bekasi iaitu produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH). Produk TAHAROH adalah sebuah produk yang dikhususkan bagi umat Islam yang berminat melaksanakan ibadah haji bagi menyimpan dan menjaga wang simpanan mereka dari pelbagai permasalahan, serta memberi kemudahan kepada para calon jemaah haji dalam pengurusan prosedur pendaftaran ibadah haji.

Dalam penyaluran dana para pelanggan TAHAROH, BPRS Harta Insan Karimah Bekasi lebih menumpukan penggunaan akad yang *fix return* pada produk pembiayaan, di mana ianya tidak ada penyerahan risiko kerugian kepada pihak bank, seperti akad *murābahah* dan *ijārah*. Oleh itu, pengaplikasian akad *muḍārabah* dan *mushārahah* pada produk pembiayaan jarang digunakan oleh pihak BPRS HIK Bekasi, terutama sekali akad *muḍārabah* di mana ianya sangat jarang digunakan untuk penyaluran dana produk TAHAROH. Ini kerana kedua akad ini terutama akad *muḍārabah* memiliki tingkat risiko yang sangat tinggi, di mana ianya dapat merugikan pihak bank yang kemudiannya akan berimpak buruk terhadap simpanan para pelanggan produk TAHAROH.

Dalam menjaga produk-produk yang ditawarkan oleh BPRS HIK Bekasi khususnya produk TAHAROH supaya ianya sentiasa selari dengan asas-asas syariah, maka pihak BPRS HIK Bekasi mengadakan perundingan dengan pihak Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) bagi mengadakan mesyuarat untuk menilai segala aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak bank, sehingga apabila didapati sesuatu penyelewengan maka ianya akan segera diperbaiki. Mesyuarat ini dilakukan pada setiap bulan pada

minggu pertama. Namun jika sangat diperlukan, ianya boleh dilakukan dua kali dalam satu bulan.

Secara umumnya, seluruh rukun-rukun dan syarat-syarat akad *muḍārabah* dalam produk TAHAROH telah dilakukan sesuai syariah oleh BPRS Harta Insan Karimah Bekasi. Namun, pada beberapa kes telah terjadi kecuaiian yang dilakukan oleh *customer service* sebagai wakil pihak bank dalam melakukan rukun *al-ṣīghah* ketika akad dibuat. Di mana terdapat *customer service* yang hanya membuka akaun para pelanggan yang ingin menabung wangnya untuk keperluan pergi haji, tanpa memaklumkan kepada pihak pelanggan bahawa akad yang digunakan adalah akad *muḍārabah*, dan tanpa memaklumkan nisbah kongsi untung yang diperuntukkan untuk pelanggan. Kecuaian semacam ini boleh menyebabkan akad *muḍārabah* menjadi terbatal.

Dalam operasinya, pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi memberikan jaminan keselamatan secara sukarela ke atas modal *muḍārabah* yang disimpan oleh para pelanggan TAHAROH. Hal ini dilakukan kerana beberapa faktor, antaranya iaitu keprihatinan pihak bank kepada para pelanggan yang tidak bersedia untuk menerima risiko kerugian ke atas modal mereka akibat pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*. Padahal secara hakikatnya dalam akad *muḍārabah*, segala risiko kerugian mestilah ditanggung oleh pihak pemodal (pelanggan pelabur), bukan pihak pengusaha (bank), kecuali apabila terjadi kecuaiian, salah urus atau penyimpangan perjanjian oleh pihak pengusaha (bank). Meskipun hakikatnya sedemikian, namun dalam kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* secara sukarela oleh pihak *muḍārib* (bank), ianya diharuskan mengikut pandangan sebahagian *fuqahā'* klasik, seperti Ibn 'Itāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā'* Maliki, dan juga pandangan daripada al-Imām al-Shawkānī. *Wa Allāh a'lam bi al-ṣawwāb.*